


Cetakan Pertama......2008
Cetakan Kedua......2018

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman @ sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Susunan:
**Bahagian Fatwa**
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
http://mufti.penang.gov.my

Diterbitkan oleh:
**Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.
Tel: 04-263 2975
Faks: 04-263 2985

Rekabentuk/Urus:
**PIXEL GRAFIX**

**NASKHAH PERCUMA**

# Isi Kandungan


| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | KATA-KATA ALUAN | 5 |
| 1 | FATWA MENGENAI GOLONGAN ANTI-HADIS | 7 |
| 2 | FATWA MENGENAI BUKU TIANG AGAMA | 13 |
| 3 | FATWA MENGENAI PENGHARAMAN BUKU SOLAT AHLUL SUNNAH YANG TIDAK MENGIKUT AL-QURAN (JAWAPAN KEPADA GENG ANTI ULAMAK) | 19 |
| 4 | FATWA MENGENAI AJARAN DAN FAHAMAN PERJALANAN 21 LADUNI RAHMATULLAH (AJARAN ISMAIL BIN HARUN) | 23 |
| 5 | FATWA MENGENAI PENGHARAMAN BUKU-BUKU TULISAN RASUL DAHRI | 33 |
| 6 | FATWA MENGENAI AJARAN AZHAR BIN WAHAB | 39 |
| 7 | FATWA MENGENAI BUKU "DILEMA UMAT ISLAM ANTARA HADIS DAN AL-QURAN" KARANGAN KASSIM AHMAD, KELUARAN FORUM IQRA | 43 |
| 8 | FATWA MENGENAI PENGHARAMAN BUKU FAHAMAN DAN AMALAN IBRAHIM BABU A/L KAMAL BACHA | 47 |
| 9 | FATWA MENGENAI PENGHARAMAN USAHA-USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA ARQAM MELALUI SYARIKAT RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD. (SRC) DAN RANGKAIAN SYARIKAT GABUNGANNYA | 53 |

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 10 | FATWA MENGENAI AJARAN TOK HUSSIN JANGGUT / ILMU TAJALI AHMAD LAKSAMANA | 61 |
| 11 | AJARAN TASLIM ATAU AJARAN HAJI AHMAD / MUHAMMAD MATAHARI | 67 |
| 12 | BUKU / RISALAH / KERTAS KERJA "ULUL ALBAB", KARANGAN ISMAIL BIN KASSIM | 75 |
| 13 | FATWA MENGENAI PERINTAH ISTITABAH | 81 |
| 14 | FATWA MENGENAI FAHAMAN SYIAH | 89 |
| 15 | FATWA AJARAN TOK MAT JANGGUT | 101 |
| 16 | FATWA ISU TARIKAT NAQSYABANDIAH AL-ALIYYAH SYEIKH NAZIM AL-HAQQANI | 111 |
| 17 | AJARAN ILMU SYAHADAH, ZIKIR NAFAS DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEDUDUKANNYA OLEH ISMAIL BIN KASSIM (PERAHMAT) | 115 |
| 18 | AJARAN QADIANI / AHMADIAH | 133 |


AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

**DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang



KATA-KATA ALUAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat diterbitkan buku ''Ajaran-ajaran Yang Menyeleweng Daripada Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah Di Pulau Pinang''. Buku ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang untuk memberi penjelasan kepada masyarakat Islam di negeri ini agar tidak terkeliru dengan ajaran-ajaran yang meragukan yang disebarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan peribadi.

Buku kecil ini menjelaskan beberapa ciri dan faktor penting yang membawa kepada penyelewengan akidah di dalam masyarakat Islam untuk dijadikan panduan kepada kita bersama. Perkara ini menjadi lebih penting lagi kerana pada kebiasaannya ajaran yang meragukan ini bergerak secara sulit dan disebarkan secara bersembunyi. Oleh yang demikian, penerbitan buku ini secara tidak langsung dapat mendedahkan penyelewengan yang sering dibawa oleh guru-guru ajaran yang meragukan seterusnya memberi panduan kepada masyarakat untuk mempelajari ajaran Islam yang sebenar.

Sejarah kelahiran ajaran yang meragukan atau penyelewengan akidah Islamiah ini bukanlah suatu perkara baru tapi ianya telah bermula sejak sebelum wafat Nabi Muhammad SAW di mana telah lahir beberapa orang yang mendakwa dirinya sebagai Nabi selepas Rasulullah SAW dan menyebarkan ajaran-ajarannya kepada umat Islam pada masa itu seperti Musailamah al-Kazzab, Talhah al-Asady dari Kabilah Bani Asad dan al-Aswad al-'Ansi di Yaman.

Saya berpendapat bahawa penjelasan mengenai ciri-ciri ajaran yang meragukan ini amat berfaedah kepada masyarakat Islam di negeri ini kerana akhir-akhir ini fenomena penyelewengan akidah begitu ketara sekali. Umat Islam perlu diberi kefahaman tentang akidah Islam yang sebenar agar mereka dapat membina akidah yang teguh dan kukuh, seterusnya menjadi benteng yang menyelamatkan mereka daripada terpengaruh dengan ajaran yang meragukan.

Akhirnya saya amat berharap buku ini dapat mencapai matlamatnya dan dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat Islam di negeri ini.

(Dato' Seri Dr. Wan Salim Bin Wan Mohd Noor)
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI GOLONGAN ANTI-HADIS

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**1 Februari 1996**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
OF THE STATE OF PENANG 1993

No.16

FATWA TENTANG GOLONGAN ANTI-HADITH
(En. No. 7/1993)

FATWA ON THE ANTI-HADITH GROUP
(En. No. 7/1993)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subsekyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 1993. Mufti bagi Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the power conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs of the State of Penang 1993, the Mufti for the state of Penang, makes the fatwa as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

بهوا بوكو يڠبر تاجوق ،

(١) "حديث سوات ڤنيلاٴين سمولا" دان "حديث جواڤن كڤد ڤڠكريتيك" يڠكدوا٢ڽ دتوليس اوله قاسيم احمد ،

(٢) "ڤندده‌ن كبنران اداله دري توهنمو- حديث ددالم القرآن" يڠدتوليس اوله ادريس عبدالرحمن ،

(٣) "باچاٴن" يڠدتوليس اوله عثمان علي ، دان

(٤) " The Computer Speaks—God's Message To The World"
يڠد توليس يڠبر تنتاڠن دڠن عقيده، شريعه دان اخلاق اسلام بوليه مڠليرو دان ميستكن مشركت اسلام. اجاران٢ دان ڤهمن٢ يڠ تركندوڠ دالم بوكو٢ ترسبوت، انتارا لاٴين، منولق حديث صحيح ( ايايت حديث يڠدصحكن برسومبر درڤد رسول الله صلى الله عليه وسلم) سباڬي سومبر عقيده دان فراونداڠن اسلام، مڠهينا كدودقكن رسول الله صلى الله عليه وسلم دان مڠهينا القرآن دڠن ممفرتيكيكن كصحيحان سرت مميسوڠكن ڤڠرتيان سبنر اية٢ القرآن ترسبوت.

بهوا اورڠ دان كومڤولن اورڠ يڠبرڤڠڠ كڤد اجاران٢ دان ڤهمن٢ يڠتركندوڠ دالم بوكو٢ يڠدسبوت ترده‌ولو اداله سوات كومڤولن يڠ سست دان برتنتاڠن دڠن عقيده، شريعه دان اخلاق اسلاميه.

دڠن ايت مانا٢ اورڠ اتو كومڤولن يڠبرڤڠڠ كڤد اجاران٢ دان ڤهمن٢ يڠتركندوڠ دالم بوكو "حديث ساتو ڤنيلاٴين سمولا"، "حديث، جواڤن كڤد ڤڠكريتيك"، "ڤنددهن كبنران اداله دري توهنمو- حديث ددالم القرآن"، "بچاٴن" اتو
" The Computer Speaks—God's Message To The World"
اداله مرتد.

اوله ايت مانا٢ اورڠ اسلام اداله دلارڠ ،

(١) اونتوق مڠاجر، ممڤلاجري، مڠاملكن، برڤڬڠ كڤد اتو ميبيركن اجاران٢ دان فهمن٢ يڠ تركندوڠ دالم بوكو "حديث ساتو ڤنيلاٴين سمولا"، حديث جواڤن كڤد ڤڠكريتيك"، "ڤنددهن كبنران اداله دري توهنمو_ حديث ددالم القرآن"، بچاٴن" دان
" The Computer Speaks—God's Message To The World"



اتومانا٢ بهاڬينڽ، ترماسوق ،
[١] اڤ٢ بنتوق، برسي اتو بارياسينڽ ،
[١١] اڤ٢ ترجمهانڽ دالم اڤ٢ بهاس ،
[١١١] اڤ٢ باهن ڤبليسيتي يڠبرتجوان ممبريكن ڤبليسيتي كڤد مانا٢ بوكو ايت،

ڤد اتو اتس اڤ٢ باهن، سام اد باهن چيتق اتو ايليترونيك اتو سلاٴينڽ اتو ملالوٴي اڤ٢ ميديا، اتو

(٢) اونتوق منجادي اڠڬوتا اتو ميمڤين مانا٢ ڬولوڠن انتي حديث اتو ممبنتو دالم مڠهيدوڤكن اتو مڠمبڠكن كومڤولن سدميكين.

Bahawa buku yang bertajuk :

(a) “Hadis Satu Penilaian Semula” dan “Hadis Jawapan kepada Pengkritik” yang kedua-duanya ditulis oleh Kassim Ahmad;

(b) “Pendedahan Kebenaran Adalah dari Tuhanmu Hadith Di Dalam Al-Quran” yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman;

(c) “Bacaan” yang ditulis oleh Othman Ali; dan

(d) “The Computer Speaks-God’s Message To The World” yang ditulis yang bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islam boleh mengeliru dan menyesatkan masyarakat Islam. Ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku tersebut antara lain, menolak hadis sahih (iaitu hadis yang disahkan bersumber daripada Rasulullah s.a.w) sebagai sumber aqidah dan perundangan Islam, menghina kedudukan Rasulullah s.a.w, dan menghina Al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat Al-Quran tersebut.

Bahawa orang dan kumpulan orang yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku yang disebut terdahulu adalah suatu kumpulan yang sesat dan bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islamiah.

Dengan itu mana-mana orang atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku “Hadis Satu Penilaian Semula”, “Hadis Jawapan Kepada Pengkritik”, “Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith Di dalam Al-Quran”, “Bacaan” atau “The Computer Speaks: God’s Message To The World” adalah murtad.

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

Oleh itu mana-mana orang Islam adalah dilarang:

(a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku "Hadis Satu Penilaian Semula", "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu- Hadith Di Dalam Al-Quran", "Bacaan" dan "The Computer Speaks: God's Message To The World" atau mana-mana bahagiannya, termasuk:

  (i) apa-apa bentuk, versi atau variasinya;

  (ii) apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa;

  (iii) apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada mana-mana buku itu,

  pada atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media; atau

(b) untuk menjadi anggota atau memimpin mana-mana golongan anti hadis atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.

Dibuat pada 29 November 1995.
Made 29 November 1995.
[JUPP/MFT/JS/95; PU/PP 3200]

DATO' SHEIKH AZMI BIN HAJI AHMAD
*Mufti*
*Negeri Pulau Pinang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI BUKU TIANG AGAMA

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**8 Jun 2000**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS OF THE STATE OF PENANG 1993

No.158 *Lampiran 4*

FATWA MENGENAI BUKU "TIANG UGAMA"

*FATWA* ON THE BOOK "TIANG UGAMA"

*En.No.7* Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

*En.No.7* In exercise of the power conferred by subsection 36 (1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti for the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

١ . بهوا إيسي كندوڠن بوكو "تياڠ أڬام" أداله برچڠكه دان ميليويڠ درفد ڤڠاڠن أهل السنة والجماعة دان منجادي انچامن كفد ڤرفادوان أومة، كأورتوهن، ڤرفادوان بڠسا دان كأمانن نڬارا.

2 . إيسي كندوڠن بوكو اين ڤرلو دسكت كسلوروهنڽ دري بركمبڠ دنݢري ڤولو ڤينڠ برداسركن ڤرچڠݢاهن دان ڤڽليويڠن يڠ ترداڤت ددالم بوكو ترسبوت خصوصڽ دري سودوت عقيده.

## ڤڽليويڠن دري سودوت عقيده:

(i) ممڤرتيكايكن دوا كلمة شهادة يڠ دلفظكن أوله أورڠ إسلام.
(سيلا ليهت بوكو "تياڠ أݢام") موكا سورت 3، 5، 6، 7، 8، 9، 10، 11، 18، 23)

(ii) مڠهينا صحابة نبي (ص) : أبو هريرة رضى الله عنه.
(سيلا ليهت بوكو "تياڠ أݢام" موكا سورت 5، 6، 7، 9، 12، 14، 15، 17، 28، 29)

(iii) تيدق مروجوع كڤد تفسير-تفسير القرأن.
(سيلا ليهت بوكو "تياڠ أݢام" موكا سورت 32)

(iv) مڠهينا ڤڬاڠن دان اعتيقاد أهل السنة والجماعة.
(سيلا ليهت بوكو "تياڠ أݢام" موكا سورت 3، 11، 33، 34)

(v) مڠهينا امڤت مذهب أساس دالم إسلام.
(سيلا ليهت بوكو "تياڠ أݢام" موكا سورت 33، 34)

(vi) مڠحدكن ڤوڠسي دان ڤرانن رسول الله (ص) كڤد هاڽ ممهمي أية-أية القرأن سهاج.
(سيلا ليهت بوكو "تياڠ أݢام" موكا سورت 9)



3 . أوله ايت، مان-مان أورڠ إسلام أتو كومڤولن يڠ برڤڬڠ كڤد إيسي كندوڠن بوكو ترسبوت أدله دلارڠ سما سكالي كران أي برتنتاڠن دڠن ڤڬاڠن أهل السنة والجماعة. لارڠن اين مليڤوتي:

(a) اونتوق مڠاجر، ممڤلاجري، مڠعمل، برڤڬڠ كڤد آتو ممبيركن اجاران-أجاران دان فهامن-فهامن يڠ تركندوڠ ددالم بوكو "تياڠ أݢام" أتو؛

(b) أونتوق منربيت أف-أف بنتوق، ورسي، أتو ورياسيڽ أتو أف-أف ترجماهنڽ دالم أف-أف بهاس أتو أف-أف باهن ڤبليسيتي أتو اتس أف-أف باهن، سمأد باهن چيتق أتو اليکترونيق أتو سلأينڽ أتو ملالوني أف-أف ميديا، أتو أف-أف قاعده يڠ بوليه ممباوا كڤد ڤڽيباران إيسي كندوڠن بوكو ترسبوت.

1. Bahawa isi kandungan buku “Tiang Ugama” adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan, perpaduan bangsa dan keamanan negara.

2. Isi kandungan buku ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan percanggahan dan penyelewengan yang terdapat di dalam buku tersebut khususnya dari sudut Aqidah.

   Penyelewengan dari sudut Aqidah :

   (i) Mempertikaikan dua kalimah syahadah yang dilafazkan oleh orang Islam.
   (Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 18, 23).

   (ii) Menghina Sahabat Nabi S.A.W.: Abu Hurairah r.a.
   (Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 5, 6, 7, 9, 12, 14, 15, 17, 28, 29).

   (iii) Tidak merujuk kepada Tafsir-Tafsir Al-Quran.
   (Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 32).

   (iv) Menghina pegangan dan iktikad Ahli Sunnah Wal Jama’ah.
   (Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 3, 11, 33, 34).

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

(v) Menghina empat mazhab asas dalam Islam.
(Sila lihat buku "Tiang Ugama" muka surat 33, 34).

(vi) Menghadkan fungsi dan peranan Rasulullah S.A.W. kepada hanya penyampai ayat-ayat Al-Quran sahaja.
(Sila lihat buku "Tiang Ugama" muka surat 9).

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada isi kandungan buku tersebut adalah dilarang kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi :

(a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam buku "Tiang Ugama" atau ;

(b) Untuk menerbit apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran isi kandungan buku tersebut.

Bertarikh 5 Mei 2000.
Dated 5 May 2000.
[PU/PP 3200]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

# FATWA MENGENAI BUKU SOLAT AHLUL SUNNAH YANG TIDAK MENGIKUT AL-QURAN
## (JAWAPAN KEPADA GENG ANTI ULAMAK)

NEGERI PULAU PINANG

**Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**9 Mei 2002**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
OF THE STATE OF PENANG 1993

No.113.

FATWA MENGENAI BUKU SOLAT AHLUL SUNNAH
YANG TIDAK MENGIKUT AL-QURAN
(JAWAPAN KEPADA GENG ANTI-ULAMAK)

*FATWA* ON THE BOOK "SOLAT AHLUL SUNNAH
YANG TIDAK MENGIKUT AL-QURAN
(JAWAPAN KEPADA GENG ANTI-ULAMAK)"

*En.No.7/1993* Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

*En.No.7/1993* In exercise of the powers conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti for the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. Bahawa isi kandungan Buku Solat Ahlul Sunnah Yang Tidak Mengikut Al-Quran (Jawapan Kepada Geng Anti-Ulamak) adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah serta menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan, perpaduan bangsa dan keamanaan Negara.

2. Isi kandungan buku ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan percanggahan dan penyelewengan yang terdapat di dalam buku tersebut khususnya dari sudut Akidah dan Syariah Islam.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam atau Kumpulan yang berpegang kepada isi kandungan buku tersebut adalah dilarang kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi:

   a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam Buku Solat Ahlul Sunnah Yang Tidak Mengikut Al-Quran (Jawapan Kepada Geng Anti-Ulamak) atau;

   b) Untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran isi kandungan buku tersebut.

1) بهوا إيسي كندوڠن بوكو صلاة أهل السنة يڠ تيدق مڠيكوت القرآن (جواڤن كڤد ݢيڠ انتي علماء) اداله برچڠكه دان ميليويڠ درڤد فڬاڠن أهل السنة والجماعة دان منجادي انچامن كڤد ڤرڤادوان أمة، ڬأوتوهن، ڤرڤادوان بڠسا دان كامنن نڬارا.

2) إيسي كندوڠن بوكو اين ڤرلو دسكت كسلوروهن دري بركمبڠ دنڬري ڤولاو ڤينڠ برداسركن فرچڠڬهن دان ڤيليويڠن يڠ ترداڤة ددالم بوكو ترسبوت خصوصڽ دري سودوت عقيده دان شريعه اسلام.

3) أوليه ايت، مان-مان أورڠ اسلام أتو كڤولن يڠ برڤڬڠ كڤد ايسي كندوڠن بوكو ترسبوت اداله دلارڠ كران أي برتنتاڠن دڠن ڤڬاڠن أهل السنة والجماعة، لاراڠن اين مليڤوتي:

   ا) أنتوق مڠاجر، ممڤلاجاري، مڠعملكن ، برفڬڠ كفد أتو ميبيركن أجاران-أجاران دان فهامن-فهامن يڠ تركندوڠ ددالم بوكو صلاة أهل السنة يڠ تيدق مڠيكوت القرآن (جواڤن كڤد ݢيڠ انتي علماء) أتو؛





   ب) أنتوق منربيتكن أڤ-أڤ بنتوق، ۏيرسي أتو ۏارياسيڽ أتو أڤ-أڤ ترجماهنڽ دالم أڤ-أڤ بهاس أتو أڤ-أڤ باهن ڤبليسيتي اتو أتس أڤ-أڤ باهن، سمأدا باهن چيتق أتو إيليترونيق أتو سلأينڽ أتو ملالوٴي أڤ-أڤ ميديا، اتو أڤ-أڤ قاعدة يڠ بوليه ممباوا كڤد ڤيبيران أجران-أجران ترسبوت.

Bertarikh 12 April 2002
Dated 12 April 2002.
[PU/PP 3200 Jld.1.]

DATO'HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI AJARAN DAN FAHAMAN PERJALANAN 21 LADUNI RAHMATULLAH (AJARAN ISMAIL BIN HARUN)

NEGERI PULAU PINANG

**Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*


| | | |
|---|---|---|
| **Jld.47**<br>**Bil.20** | **25 September 2003** | ***TAMBAHAN***<br>***No.1*** |


ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
OF THE STATE OF PENANG 1993

No.289

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36
*FATWA* UNDER SECTION 36

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the power conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. Bahawa Ajaran dan Fahaman Perjalanan 21 Laduni Rahmatullah (Ajaran Ismail bin Harun) adalah bercanggah dan menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Ja'mah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan Negara.

2. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan percanggahan yang terdapat di dalam ajaran tersebut meliputi kepada beberapa perkara berikut:

2.1 Di antara Ajarannya:

2.1.1 Kumpulan ajaran yang dipimpin oleh Ismail bin Harun ini dinamakan Laduni kerana ilmu ajaran ini adalah suatu ilmu yang terlalu rahsia dan hanya diketahui oleh beliau (Ismail bin Harun) dan Allah sahaja.

2.1.2 Ismail mendakwa bahawa ilmu ini diberitahu oleh Allah s.w.t yang sentiasa berada dengannya secara terus sebagai saksi dengan gelaran Yang Mulia Rabbul Jalil Habibullah Haji Ismail As-Siddiq r.a.

2.1.3 Melalui ajaran perjalanan tersebut, Ismail mendakwa dapat memberi apa sahaja yang dipohon atau dipinta oleh pengikutnya dengan mendakwa bahawa (Ismail bin Harun) maha mengetahui.

2.1.4 Ismail dikatakan mula mendapat ilmu Laduni Rahmatullah ketika berumur 45 tahun dan mula mendapat ilmu tersebut, pada waktu petang di mana beliau mendakwa bahawa Malaikat Jibrail telah datang dan menyampaikan wahyu kepadanya semasa beliau dalam keadaan sedar dan jaga.

2.1.5 Beliau mendakwa bahawa beliau diajar dan dididik oleh wali-wali Allah. Di antara wali-wali yang datang kepadanya ialah bernama al-Mutalib-bangsa Arab, Tok Janggut, Lukman Al-Hakim dan Habib Nuh. Beliau juga mendakwa bahawa Rasulullah dan empat orang sahabat Baginda telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga beliau mencapai tahap yang tertinggi iaitu Rabbul Jalil.

2.1.6 Kalimah "Salamun Khairan Kathira, Ya Allah Ya Rahman, Ya Rahimmakumullah, Tiada hak bagiku yang berkuasa itu Allah, tiada kuasa bagiku yang berkuasa itu Allah, Apa kataku kata Allah, Tiada lain hanya Allah" hendaklah dibaca dan diamalkan oleh pengikut sebagai zikir harian.

2.1.7 Mendakwa diri sebagai Hakim Kaabah Rabbul Jalil dan sesiapa yang hendak pergi menunaikan haji perlu menghakimkan terlebih dahulu kepada Ismail Harun untuk mendapatkan kepastian sama ada seseorang itu akan mendapat haji mabrur atau tidak.

2.1.8 Mendakwa Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w datang mengajar di rumahnya melalui tubuh badan dua orang anak muridnya iaitu Mat Deraman dan Ghazali bin Mohd. Hashim.

2.1.9 Pembelian Al-Quran mestilah dirujukkan kepada beliau untuk mendapatkan "*hikmah*" melalui proses tertentu yang dijalankan oleh beliau sendiri.

2.1.10 Beliau mendakwa kepada pengikutnya sekiranya keluar dari ajaran ini, mereka akan mendapat bencana seperti mati atau gila dan bagi pengikut yang menarik diri daripada ajaran ini, mereka tidak akan diterima oleh Allah dan tempatnya adalah neraka.



2.1.11 Beliau juga mendakwa mempunyai kuasa untuk mematikan dan memanjangkan hayat seseorang itu apabila mempelajari 21 Laduni Rahmatullah ini. Beliau turut mendakwa boleh berkomunikasi secara terus dengan Allah.

2.1.12 Mendakwa setiap manusia mempunyai roh syirik dan perlu membersihkan diri dengan cara mempelajari ilmu Ajaran perjalanan 21 Laduni Rahmatullah. Beliau juga mendakwa bahawa dosa seseorang itu akan terhapus sekiranya berguru dengannya.

2.1.13 Beliau mendakwa bahawa tanpa beliau dunia akan kiamat kerana dengan ilmu perjalanan 21 Laduni Rahmatullah ini mampu untuk melambatkan kedatangan hari kiamat.

2.1.14 Setiap pengikutnya turut dianugerahi wali olehnya mengikut tahap kepatuhan ilmu yang dipelajari tersebut. Setiap tindakan dan geraklaku harian mereka mestilah merujuk kepada wali-wali tersebut.

2.1.15 Tidak membenarkan ahli-ahlinya membaca ayat Kursi dan Surah Yasin kerana mendakwa ianya tidak mempunyai apa-apa kelebihan.

2.2 Cara Pengajaran:

2.2.1 Dalam ajarannya, mengatakan bahawa pertalian Nabi Khidir dengan Nabi Musa adalah seperti talian Yang Mulia (Ismail Harun) dengan hubungan mereka (murid-murid).

2.2.2 Mengatakan bahawa Nabi Khidir itu ialah Allah kerana mempunyai Sifatullah.

2.2.3 Setiap pengikut yang berjumpa dengannya perlu bersalam dengannya yang duduk di atas katil. Tidak boleh duduk di sebelah kanannya kerana mendakwa ada Rasulullah s.a.w dan di sebelah kirinya terdapat empat orang sahabat.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang mengajar, mengamal dan menyebar ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah s.w.t.

4. Mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran dan fahaman-fahaman tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah-

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

(a) untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam Ajaran dan Fahaman Perjalanan 21 Laduni Rahmatullah (Ajaran Ismail bin Harun).

(b) untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa- apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut; atau

(c) untuk menjadi anggota atau memimpin mana-mana golongan ajaran atau fahaman atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.

*P.g.N 299/2002* 5. Fatwa di bawah seksyen 36 yang telah disiarkan pada 5 Disember 2002 adalah dimansuhkan.

1. بهوا أجران دان فهامن ڤرجالانن 21 لادوني رحمة الله ( أجران إسماعيل بن هارون ) أداله برچڠكه دان مپليويڠ دري ڤكاڠن أهل السنة والجماعه دان منجادي انجامن كڤدا ڤرڤادوان أومة ، كأوتوهن أكام ، ڤرڤادوان بڠسا دان كأمانن نكارا .

2. فهامن دان أجران اين ڤرلو دسكت كسلوروهنڽ دري بركمبڠ دنكري ڤولاو ڤينڠ برداسركن ڤرچڠكاهن يڠ ترداڤت ددالم أجران ترسبوت مليڤوتي كڤد ببراڤ ڤركارا بريكوت :

2.1 دأنتارا أجرانڽ :

2.1.1 كومڤولن أجران يڠ دڤيمڤين أوليه إسماعيل بن هارون اين دنامكن لادوني كران علم أجران اين أداله سوات علم يڠ ترلالو رهسيا دان هاڽ دكتهوي أوليه بلياو ( اسماعيل بن هارون ) دان الله سحاج .

2.1.2 إسماعيل مندعوا بهوا علم اين دبريكن أوليه الله سبحانه وتعالى يڠ سنتياس براد دڠنڽ سجارا تروس سباڬي سڤسي دڠن كلاران يڠ مليا رب الجليل حبيب الله حاج إسماعيل الصدّيق رضى الله عنه .

2.1.3 ملالوءي أجران ڤرجالانن ترسبوت، إسماعيل مندعوا داڤت ممبري أڤ سهاج يڠ دڤوهون اتو دڤينتا أوليه ڤڠيكوتڽ دڠن مندعوا بهوا ( إسماعيل بن هارون ) مها مڠتهوي .

2.1.4 إسماعيل دكاتكن مولا منداڤت علم لادوني رحمة الله كتيك برعمور 45 تاهون دان مولا منداڤت علم ترسبوت، ڤد وقت ڤتڠ دمان بلياو مندعوا بهوا ملائكة جبريل تله داتڠ دان ميمڤيكن وحيو كڤداڽ سماس بلياو دالم كادأن دان جاڬا .

2.1.5 بلياو مندعوا بهوا بلياو دأجر دان دديديق أوليه والي-والي الله. دأنتارا والي-والي يڠ داتڠ كڤداڽ اياله برنام المطالب -بڠسا عزاب، توء جڠكوت، لقمان الحاكيم دان حبيب نوح. بلياو جوڬ مندعوا بهوا رسول الله دان امڤت أورڠ صحابة بكيندا تله ممبري بيمبيڠن دان تونجوق أجر سهيڠڬا بلياو منچاڤاي تاهڤ يڠ ترتيڠڬي يأيت رب الجليل .

2.1.6 كليمه " سلام خيرا كثيرا، يا الله يا رحمن، يا رحمكم الله ، تياد حق باكيكو يڠ برحق ايت الله ، تيادا كواس باكيكو يڠ

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

بركواس ايت الله. أف كاتكو كات الله، تياد لأين هلڽ الله " هندقله دباچ دان دعملكن أوليه ڤغيكوت سباكي ذكر هارين.

2.1.7 مندعوا ديري سباكي حكيم كعبه رب الجليل دان سسياڤ يڠ هندق ڤركي منونيكن حاج ڤرلو مغحاكيمكن ترلبيه دهولو كڤدا إسماعيل هارون أونتوق منداڤتكن كڤستيان سمأدا سساورڠ ايت اكن منداڤت حاج ممبرور اتو تيدق .

2.1.8 مندعوا الله سبحانه وتعالى دان رسول الله صلى الله عليه وسلم داتڠ مڠاجر دروميهڽ ممالالوءي توبوه بدان دوا أورڠ انق موريدڽ يأيت مت درامن دان غزالى بن محمد هاشيم .

2.1.9 ڤمبليان القرآن مستيله درجوڤكن كڤد بلياو أنتوق منداڤتكن " حكمه " ملالوءي ڤروسيس ترتنتو يڠ دجالنكن أوليه بلياو سنديري.

2.1.10 بلياو مندعوا كڤد ڤغيكوتڽ سكيراڽ كلوار دري أجاران اين، مريك أكن منداڤة بنجان سڤرت ماتي اتو كيلا دان باكي ڤغيكوت يڠ مناريق ديري درڤد أجران اين، مريك تيدق أكن دتريما أوليه الله دان تمڤتڽ أداله نراك .

2.1.11 بلياو جوك مندعوا ممڤوڽأي كواس أونتوق مماتيكن اتو ممنجڠكن حياة سسأورڠ ايت اڤبيلا ممڤلاجري علم ڤرجالانن 21 لادوني رحمةالله اين. بلياو توروت مندعوا بوليه بركمنوكاسي سچارا تروس دڠن الله .



2.1.12 مندعوا ستياڤ مانسي ممڤوڽاي روح شيريك دان ڤرلو مبرسيهكن ديري دڠن چارا ممڤلاجري علم أجران ڤرجالانن 21 لادوني رحمة الله . بلياو جوك مندعوا بهوا دوسا سسأورڠ ايت اكن ترهاڤوس سكيراڽ بركورو دڠنڽ .

2.1.13 بلياو مندعوا بهوا تنڤا بلياو دنيا اكن قيامة كران دڠن علم ڤرجلانن 21 لادوني رحمة الله اين ممڤو اونتوق ملمبتكن كداتاڠن هاري قيامة .

2.1.14 ستياڤ ڤغيكوتڽ توروت دانوكراهي والي أوليهڽ مڠيكوت تاهڤ كڤاتوهن علم يڠ دڤلاجري ترسبوت. ستياڤ تينداكن دان ڤرلاكو هارين مريك مستيله مروجوق كڤد والي-والي ترسبوت .

2.1.15 تيدق ممبنركن أهلي-أهليڽ مباچ أية ڤرسى دان سورة يس كران مندعوا اياڽ تيدق ممڤوڽأي أڤ-أڤ كلبيهن .

2.2 چارا ڤڠجران :

2.2.1 دالم أجرانڽ، مڠتاكن بهوا ڤرتليان نبي خيذير دڠن نبي موسى أداله سڤرت تاليان يڠ مليا ( إسماعيل هارون ) دڠن هوبوڠن مريك ( موريد-موريد ) .

2.2.2 مڠاتكن بهوا نبي خيدير ايت اياله الله كران ممڤوڽأي صفة الله .



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

2.2.3. ستياڤ ڤڠيكوت يڠ برجومڤا دڠنڽ ڤرلو برسلام دڠنڽ يڠ دودوق دأتس كاتيل . تيدق بوليه دودوق دسبله كانن كران مندعوا أدا رسول الله صلى الله عليه وسلم دسبله كيريڽ ترداڤة أمڤة اورڠ صحابة .

3. أوليه ايت، مان-مان أورڠ اسلام يڠ مڠاجر، مڠعمل دان مپيبر أجران اين هندقله سڬرا برتوبة سرت مموهون كأمڤونن درڤد الله سبحانه وتعالى .

4. مان-مان أورڠ اسلام اتو كومڤولن يڠ برڤڬڠ كڤد أجران دان ڤهامن-ڤهامن ترسبوت اداله دلارڠ سماسكلي كران أي برچڠكه دڠن ڤڬاڠن اهل السنة والجماعه :-

ا. اونتوق مڠاجر، ممڤلاجري ، مڠعملكن، برڤڬڠ كڤد اتو مپيبركن اجران دان ڤهامن-ڤهامن يڠ تركندوڠ دالم أجران دان ڤهامن ڤرجلانن 21 لادوني رحمة الله ( أجران إسماعيل بن هارون ) ؛

ب. أونتوق منربيتكن أڤ-أڤ بنتوق، ۏيرسي اتو ۏارياسيڽ اتو أڤ-أڤ ترجمهنڽ دالم أڤ-أڤ بهاس اتو أڤ-أڤ باهن ڤبليسيتي اتو أتس أڤ-أڤ باهن، سمأدا باهن چيتق اتو إيليترونيق اتو سلأينڽ اتو ملالوءي أڤ-أڤ ميديا، اتو أڤ-أڤ قايدة يڠ بوليه ممباوا كڤد ڤپيبران أجران-أجران ترسبوت ؛ اتو





ت. أونتوق منجادي أڠكوتا اتو ممڤين مان-مان كولوڠن أجران اتو ڤهامن اتو ممبنتو دالم مڠهيدوڤكن اتو مڠمبڠكن كومڤولن سدمكيان .

5. فتوى دباوه سيقشين 36 يڠ تله دسياركن ڤد 5 دسيمبر 2002 أداله دمنسوخكن .

*P.g.G.N 299/2002*

Bertarikh 19 September 2003.
Dated 19 September 2003.
[Bil.(47) dlm.PU/PP 3200 Jld.1]

DATO'HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

# FATWA MENGENAI PENGHARAMAN BUKU-BUKU TULISAN RASUL DAHRI

NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 48** **15 Januari 2004** **No. 2**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS ENACTMENT
OF THE STATE OF PENANG 1993

No.50.

FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 36
*FATWA* UNDER SUBSECTION 36

*En.No.7/1993* Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

*En.No.7/1993* In exercise of the powers conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. Bahawa buku-buku tulisan Encik Rasul Dahri adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang sebagaimana pengharamannya di peringkat kebangsaan.

2. Buku-buku tersebut ialah:

    (i) Tajuk : Bahaya Taqlid Buta Dan Ta'sub Mazhab
    Penulis : Rasul Dahri
    Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(ii) Tajuk : Imam Syafie (Rahimahullah) Mengharamkan Kenduri Arwah Tahlilan, Yasinan Dan Selamatan
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(iii) Tajuk : Amalan-amalan Bida'ah Pada Bulan Sya'ban
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(iv) Tajuk : Hukum Mengenai Rokok Dan Mencukur Janggut
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(v) Tajuk : Bahaya Tariqat Sufi/Tasawuf Terhadap Masyarakat
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(vi) Tajuk : Setiap Bida'ah Menyesatkan
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

(vii) Tajuk : Persoalan Bida'ah Dan Percanggahannya
Penulis : Rasul Dahri
Penerbit : Perniagaan Jahabersa, Taman Kempas, Johor Baharu

3. Pengharaman buku-buku ini adalah kerana didapati boleh:

(i) Bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam.

(a) (i) Mempropagandakan akidah, hukum dan ajaran yang bercanggah dengan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(ii) Menyebarkan kenyataan yang menggemparkan fikiran orang ramai dan menimbulkan keraguan dan kegelisahan kepada masyarakat awam.

4. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang mengajar, mengamal dan menyebarkan kandungan buku tersebut adalah dilarang sama sekali.

5. Pengharaman ini juga meliputi untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasi atau apa-apa terjemahan dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran dan isi kandungan buku-buku tersebut.



1. بهوا بوكو-بوكو توليسن إنجيق رسول دهري أداله دحرامكن دنكري ڤولاو ڤينڠ سبكيمان ڤڠحرامنڽ دڤريڠكت كيڤسان .

2. بوكو-بوكو ترسبوت اياله :

١. تاجوق : بهاي تقليد بوتا دان تعصوب مذهب .
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياݢان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

٢. تاجوق : إمام شافعي ( رحمه الله ) مڠحرامكن خندوري أرواح ، تهليلن، يسنن دان سلامتن .
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياݢان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

3. تاجوق : عمالن-عمالن بدعه ڤد بولن شعبان.
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياݢان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

٤. تاجوق : حكوم مڠناءي روكوء دان منچوكور جڠݢوت .
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياݢان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

5. تاجوق : بهاي طريقة صوفي / تصوف ترهادڤ مشاركة .
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياݢان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

6. تاجوق : ستيڤ بدعة مپستكن.
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياݢان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

7. تاجوق : ڤرسوالن بدعة دان ڤرجڠكاهنن.
ڤنوليس : رسول دهري
ڤنربيت : ڤرنياڬان جهابرسا ، تامن كمڤس ، جوهر بهارو

3. ڤڠحرامن بوكو-بوكو اين اداله كران دداڤتي بوليه :

ا . - برچڠكه دڠن كاريس ڤندوان ڤناڤيسن باهن-باهن ڤنربيتن برأونسور إسلام.

ا. - (ا) ممڤروڤاكنداكن عقيدة ، حكوم دان أجران يڠ برچڠكه دڠن مذهب أهلى السنه والجماعة .

- (ب) ميبركن كڤتان يڠ مڠكمڤركن ڤيكيران أورڠ رامي دان منيمبولكن كراڬوان دان ككليسهن كڤد مشاراكة عوّام.

4. أوليه ايت ، مان-مان اورڠ إسلام يڠ مڠاجر ، مڠعمل دان ميبركندوڠن بوكو ترسبوت اداله دلارڠ سام سكالي.

5. ڤڠحرامن اين جوڬ مليڤوتي اونتوق منربيتكن اڤ-اڤ بنتوق، ۏرسي أتو ۏارياسي أتو اڤ-اڤ ترجماهن دالم اڤ-اڤ بهاس أتو اڤ-اڤ باهن ڤبليسيتي سماد باهن چيتق أتو إيليکترونيق أتو سلاٴينڽ أتو اڤ-اڤ ميديا أتو اڤ-اڤ ڤعيده يڠ بوليه ممباوا كڤد ڤپباران إيسي كندوڠن بوكو-بوكو ترسبوت .

Bertarikh 30 Disember 2003.
Dated 30 December 2003.
[PU/PP 3200 Jld.1.]

DATO'HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI AJARAN AZHAR BIN WAHAB

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| **Jld.48** | **29 Januari 2004** | **No. 3** |

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENATMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

No. 55.

FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 36
*FATWA* UNDER SUBSECTION 36

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the power conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. Ajaran Azhar bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar; dan

2. Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamalkan Ajaran Azhar bin Wahab dianggap menyalahi Hukum Syarak dan wajib bertaubat.

1. أجاران آزهار بن واهب دداڤتي برتنتاڠن دڠن فهامن عقيدة أهل السنة والجماعة
دان ميليبيڠ دري أجاران إسلام يڠ سبنر ؛ دان

2. بهوا مان٢ كومڤولن أتاو أورڠ ڤرسئوراڠن يڠ برڤڬڠ دان مڠعملكن
أجاران أزهار بن واهب دأڠڬڤ مڽالهي حكوم شرع دان واجب برتوبة .

Bertarikh 26 Disember 2003.
Dated 26 December 2003.
[PU/PP 3200 Jld.1.]

DATO'HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

# FATWA MENGENAI BUKU "DILEMA UMAT ISLAM ANTARA HADIS DAN AL-QURAN" KARANGAN KASSIM AHMAD, KELUARAN FORUM IQRA

NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil.49 No.22 | 27hb Oktober 2005 | *TAMBAHAN NO.11 PERUNDANGAN* |

**Pg. P.U.20.**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 37
*FATWA* UNDER SECTION 37

*En.No.7/1993* Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, seperti yang dinyatakan dalam Jadual, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa.

*En.No.7/1993* In exercise of the powers conferred by section 37 of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, as specified in the Schedule, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa*.

JADUAL/SCHEDULE

**FATWA MENGENAI BUKU "DILEMA UMAT ISLAM-ANTARA HADIS DAN AL-QURAN" KARANGAN KASSIM AHMAD KELUARAN FORUM IQRA"**

1. Bahawa isi kandungan Buku "Dilema Umat Islam-Antara Hadis dan Al-Quran" Karangan Kassim Ahmad Keluaran Forum Iqra' adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang.

2. Fahaman dan amalan ini, perlu disekat kesuluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang kerana percanggahan yang terdapat di dalam buku tersebut meliputi keterangan-keterangan dalam isi kandungannya yang mana antara lain seperti berikut:

   2.1 Fahaman bahawa hadith yang mentafsir Al-Quran adalah meragukan. Ini menyebabkan pentafsiran ayat Al-Quran menjadi kabur.

   2.2 Menolak hadith yang mengiktiraf golongan para ulama' sebagai pewaris para Nabi.

   2.3 Mempertikaikan hukuman bunuh terhadap golongan murtad, manakala hukuman rejam sampai mati dikatakan berasal dari ajaran kitab Taurat.

   2.4 Kesalahan dalam mentafsirkan serta menghuraikan ayat-ayat Al-Quran.

   2.5 Salah di dalam memahami serta menghuraikan maksud sebenar sesuatu hadith.

   2.6 Mendakwa kisah Nabi Isa a.s diangkat ke langit serta penurunan di akhir zaman adalah berasal daripada ajaran kitab Injil.

   2.7 Mendakwa bahawa pensyariatan solat lima waktu sehari semalam di malam Isra' Mikraj bersalahan dengan ajaran Al-Quran dan fakta sejarah.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang berpegang kepada fahaman dan amalan kandungan tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang meliputi:

   (a) Mengajar, mengamal dan menyebarkan fahaman dan amalan kandungan buku tersebut.

   (b) Menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau bahan-bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran fahaman dan amalan tersebut.

1 . بهوا ايسي كندوغن بوكو " دليما امة اسلام -انتارا حديث دان القرآن" كارغن قاسيم احمد كلواران فوروم إقراء اداله دحرامكن د نكري ڤولاو ڤينڠ.

2 . فهمن دان عمالن اين، ڤرلو دسكت كسلوروهنڽ دري بركمبڠ د نكري ڤولاو ڤينڠ كران ڤرچڠݢاهن يڠ ترداڤت ددالم بوكو ترسبوت مليڤوتي كتراڠن-كتراڠن دالم ايسي كندوڠنڽ يڠ مان انتارا لاين سڤرت بريکوت :

2.1 : فهمن بهوا حديث يڠ منتفسير القرآن اداله مراڬوكن . اين ميببكن ڤنتفسيرن اية القرآن منجادي كابور .

2.2 : منولق حديث يڠ مڠاعتراف ڬولوڠن ڤارا علماء سباڬي ڤواريث ڤارا نبي .

2.3 : ممڤرتيكاي حكومن بونوه ترهادڤ ڬولوڠن مرتد، ماناكالا حكومن رجم سمڤي ماتي دكاتاكن براصل دري اجرن كتاب توراة.

2.4 : كسالهن دالم منتفسيركن سرت مڠهورايكن اية-اية القرآن.

2.5 : ساله ددلم مماهمي سرت مڠهورايكن مقصود سبنر سسوات حديث.

2.6 مندعوى قصه نبي عيسى عليه السلام داڠكت كلاڠيت سرت ڤنورونن داچير زمان اداله براصل درڤد اجرن كتاب انجيل

2.7 مندعوى بهوا ڤنشريعتن صلاة ليم وقتو سهاري سمالم دمالم اسراء معراج برسلاهن دڠن اجرن القرآن دان فكتا سجاره

3. أوليه ايت، مان-مان اورڠ إسلام يڠ برڤڬڠ كڤد فهامن دان عمالن كندوڠن ترسبوت اداله دلارڠ سما سكالي كران إي برچڠڬه دڠن ڤڬاڠن اهل السنة والجماعة يڠ مليڤوتي :

(ا) مڠاجر مڠعمل دان ميبركن فهامن دان عمالن كندوڠن بوكو ترسبوت:

(ب) منربيتكن اڤ-اڤ بنتوق ورسي اتاو وارياسينڽ اتاو اڤ-اڤ ترجمهنڽ دالم اڤ-اڤ بهاس اتاو اڤ-اڤ باهن ڤبليسيتي اتاو اڤ-اڤ باهن سمأدا باهن چيتق اتاو ايليكترونيك اتاو سلاءينڽ اتاو ملالوءي اڤ-اڤ ميديا اتاو اڤ-اڤ قاعدة يڠ بوليه ممباوا كڤدا ڤڽيباران فهامن دان عمالن ترسبوت

Bertarikh 30 September 2005
Dated 30 September 2005
[PU/PP 200 Jld. 1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
*Mufti State Goverment of Pulau Pinang*



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI PENGHARAMAN BUKU FAHAMAN DAN AMALAN IBRAHIM BABU A/L P.M. KAMAL BACHA

NEGERI PULAU PINANG

**Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| **Jil.49**<br>**No.22** | **27hb Oktober 2005** | ***TAMBAHAN NO.11***<br>***PERUNDANGAN*** |

**Pg. P.U.21**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS ENACTMENT
OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 37
*FATWA* UNDER SECTION 37

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, seperti yang dinyatakan dalam Jadual, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa.

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, as specified in the Schedule, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa*.

JADUAL/SCHEDULE

**FATWA MENGENAI PENGHARAMAN BUKU FAHAMAN DAN AMALAN IBRAHIM BABU A/L P.M. KAMAL BACHA**

1. Bahawa isi kandungan Buku Fahaman Dan Amalan Ibrahim Babu a/l P.M. Kamal Bacha adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang.

2. Fahaman dan amalan ini, perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang kerana percanggahan yang terdapat di dalam buku tersebut meliputi keterangan-keterangan dalam isi kandungannya yang mana antara lain seperti berikut:

    2.1 Kita harus ikut Al-Quran dan jangan ikut kitab lain (Hadis) (petikan muka surat: 1)

    2.2 Vi si Al-Quran sudah tukar dari kitab asal seperti kitab Taurat (petikan muka surat: 15)

    2.3 Seluruh umat Islam sudah menjadi murtad kerana mempercayai Nabi Muhammad s.a.w (petikan muka surat: 21)

    2.4 Orang Arab tipu orang yang pergi mengerjakan ibadat haji dengan Hajarul Aswad iaitu batu Syurga (petikan muka surat: 34)

    2.5 Arah kiblat yang betul adalah Agama Islam dan jangan ikut arah kiblat untuk sembahyang (petikan muka surat: 52).

    2.6 Israk dan Mikraj ketika Nabi pergi beliau tidak pergi ke Masjid Al-Aqsa sebab masjid itu tiada pada masa itu (petikan muka surat: 59).

    2.7 Mengucap dua kalimah syahadah tiada dalam Al-Quran (petikan muka surat: 99).

    2.8 Jangan keluarkan zakat (petikan muka surat: 91)

    2.9 Sembahyang Jumaat tiada (petikan muka surat: 91)

    2.10 Sembahyang Tahajjud tiada (petikan muka surat: 99).

    2.11 Tiada sunat berkhatan dalam Islam (petikan muka surat: 91/99)

    2.12 Sembahyang lima waktu tiada dalam Al-Quran (petikan muka surat: 99).

    2.13 Waktu berbuka puasa bukan pada waktu Maghrib (petikan muka surat: 99)

    2.14 Malaikat Jibrail hanya sekali sahaja datang memberi wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. (petikan muka surat:99).

    2.15 Jangan membaca selawat (petikan muka surat: 99)

    2.16 Jangan ikut Mazhab (petikan muka surat: 115).

    2.17 Khalifah tidak dapat diterima (petikan muka surat: 96).



    2.18 Hadis Muslim adalah tipu (petikan muka surat: 100)

    2.19 Pada zaman ini tiada Muslim yang seperti disebutkan (petikan muka surat: 115).

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang berpegang kepada fahaman dan amalan kandungan tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang meliputi:

    (a) Mengajar, mengamal dan menyebarkan fahaman dan amalan kandungan buku tersebut.

    (b) Menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran fahaman dan amalan tersebut.

1 . بهوا إيسي كندوڠن بوكو فهامن دان عمالن إبراهيم بابو انق / للاكي ڤي .غيم. كمال باج
اداله دحرامكن د نكري ڤولاو ڤينڠ.

2 . فهامن دان عمالن اين، ڤرلو دسكت كسلوروهنڽ دري بركمبڠ د نكري ڤولاو ڤينڠ كران
ڤرچڠڬاهن يڠ ترداڤت ددالم بوكو ترسبوت مليڤوتي كترڠن-كترڠن دالم ايسي كندوڠنڽ يڠ
مان انتارا لاين سڤرت بريكوت :

2.1 : كيت هاروس ايكوت القرآن دان جاڠن إيكوت كتاب لاٴين ( حديث )
( ڤتيقن موك سورت :1 )

2.2 : ۏرسي القرآن سوده توكر دري كتاب اصل سڤرت كتاب توراة ( ڤتيقن موك
سورت :15 ) .

2.3 : سلوروه أومة اسلام سوده جادي مرتد كران ممڤرچياٴي نبي محمّد ( ص )
( ڤتيقن موك سورت :21 ) .

2.4 : أورڠ عراب تيڠو اورڠ يڠ ڤرڬي مڠرجاكن عبادة حاج دڠن حجرالاسود يايت باتو شرك ( ڤتيقن موك سورت :34 )

2.5 : اره قبلة يڠ بتول اداله اڬام إسلام دان جاڠن إيكوت اره قبلة اونتوق سمبهيڠ ( ڤتيقن موك سورت : 52 ) .

2.6 : إسراء دان معرج كتيك نبي ڤرڬي بلياو تيدق ڤرڬي كمسجد الاقصى سبب مسجد ايت تياد ڤدا ماس إيت ( ڤتيقن موك سورت : 59 )

2.7 : مڠوچڤ دوا كليمه شهادة تياد دالم القرآن. ( ڤتيقن موك سورت :99 )

2.8 : جاڠن كلواركن زكاة ( ڤتيقن موك سورت : 91 )

2.9 : سمبهيڠ جمعة تياد ( ڤتيقن موك سورت :91 )

2.10 : سمبهيڠ تهجد تياد ( ڤتيقن موك سورت : 99 )

2.11 : تياد سنة برختن دالم إسلام ( ڤتيقن موك سورت : 91/99 )

2.12 : سمبهيڠ ليم وقت تياد دالم القرآن ( ڤتيقن موك سورت :99 ) .

2.13 : وقت بربوك ڤواس بوكن ڤدا وقت مغرب ( ڤتيقن موك سورت : 99 ) .

2.14 : ملائكة جبريل هاث سكلي سهاج داتڠ ممبري وحي كڤدا نبي محمّد (ص) ( ڤتيقن موك سورت : 99 )

2.15 : جاڠن مباچ صلاوات ( ڤتيقن موك سورت : 99 )

2.16 : جاڠن ايكوت مذهب ( ڤتيقن موك سورت : 115)

2.17 : خليفة تيدق داڤت دتريما ( ڤتيقن موك سورت : 96 )

2.18 : حديث مسلم اداله تيڤو ( ڤتيقن موك سورت :100 )

2.19 : ڤدا زمان اين تياد مسلم يڠ سڤرت دسبوتكن ( ڤتيقن موك سورت:115 ) .





اوليه ايت ، مان-مان اورڠ إسلام يڠ برڤڬڠ كڤد ڤهامن دان عمالن كندوڠن ترسبوت اداله دلارڠ سماسكالي كران اي برچڠڬه دڠن ڤڬاڠن اهل السنه والجماعة يڠ مليڤوتي :

( ا ) . مڠاجر، مڠعمل دان ميبركن ڤهامن دان عمالن كندوڠن بوكو ترسبوت ؛

( ب) . منربيتكن اڤ-اڤ بنتوق ورسي اتاو ڤارياسيڽ اتاو اڤ-اڤ ترجمهنڽ دالم اڤ-اڤ بهاس اتاو اڤ-اڤ باهن ڤبليسيتي اتاو اڤ-اڤ باهن سماد باهن چيتق اتاو ايليكترونيك اتاو سلاينڽ اتاو ملالوءي اڤ-اڤ ميديا اتاو اڤ-اڤ قاعده يڠ بوليه ممباوا كڤد ڤبيباران ڤهامن دان عمالن ترسبوت .

Bertarikh 30 September 2005
Dated 30 September 2005
[PU/PP 200 Jld. 1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
Mufti Negeri Pulau Pinang
*Mufti of the State of Penang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI PENGHARAMAN USAHA-USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA ARQAM MELALUI SYARIKAT RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD. (SRC) DAN RANGKAIAN SYARIKAT GABUNGANNYA


NEGERI PULAU PINANG

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**1hb Mac 2007** **No.5**


ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 84.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

*En.No.4.2004* Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa berikut.

JADUAL

**FATWA MENGENAI PENGHARAMAN USAHA-USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA ARQAM MELALUI SYARIKAT RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD. (SRC) DAN RANGKAIAN SYARIKAT GABUNGANNYA**

1. Bahawa ajaran dan fahaman yang dibawa dan disebarkan oleh ahli jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya mengandungi fahaman yang menyamai kumpulan Arqam yang telah diharamkan. Ahli jemaah SRC juga didapati mengamalkan ajaran dan pegangan baru yang telah menyeleweng daripada ajaran Islam dan akan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara. Penyelewengan tersebut adalah seperti berikut:

   (a) Kesalahan yang bercanggah dengan aqidah ahli Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan kepercayaan bahawa:

      (i) Haji Ashaari bin Muhammad adalah *Sahibul Zaman (Mujaddid)*, manakala Syeikh Muhammad al-Suhaimi pula sebagai Imam Mahdi;

(ii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Setiap ramalan tersebut dianggap oleh ahli jemaah SRC sebagai sebahagian daripada Jadual Tuhan untuk memberi kemenangan kepada mereka;

(iii) Haji Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu secara langsung daripada Syeikh Muhammad al-Suhaimi dan Rasulullah s.a.w berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan;

(iv) *Mujaddid* dan *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu *laduni* atau *kasyaf*) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain. Ilham dari Tuhan datang kepadanya seperti air sungai yang mengalir;

(v) Ahli jemaah yang banyak menghayati minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya;

(vi) Minda Abuya itu sebenarnya adalah wahyu dari Tuhan. Bagaimanapun wahyu yang diturunkan kepada Abuya adalah 1/46 daripada kenabian;

(vii) Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad), Imam Mahdi (Syeikh Muhammad al-Suhaimi) dan Nabi Isa a.s yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan Jadual Tuhan;

(viii) Minda Abuya difahami sebagai intisari Al-Quran dan Hadis dan Abuya adalah orang Tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan. Dengan itu, tidak perlu lagi rujuk kepada Al-Quran dan Hadis kerana minda sudah lengkap;

(ix) Perjuangan ahli jemaah SRC dibantu dan dilindungi oleh para *Rijal Ghaib* yang terdiri daripada malaikat, jin Islam dan roh-roh *muqaddas* (roh suci para ahli jemaah yang telah meninggal dunia);

(x) *Bertawassul* kepada Abuya ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan, Abuya akan menghantar bantuan sama ada menggunakan jin Islam atau dengan karamahnya;

(xi) Abuya adalah manusia yang hebat. Malahan, lebih hebat daripada kita mempunyai 10 orang ibu dan ayah kerana menurut mereka hubungan dengan ibu bapa hanya terbatas di dunia, sedangkan hubungan dengan Abuya kekal sehingga ke akhirat;



(xii) Allah akan memberitahu Abuya tentang musibah sakit yang dialami oleh ahli jemaah SRC. Sekiranya sakit tersebut tidak tertanggung oleh ahli jemaah, Abuya boleh meminta agar Allah meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh ahli jemaah;

(xiii) Abuya mempunyai kelebihan untuk menangguhkan ajal sekiranya ahli jemaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa;

(xiv) Abuya boleh meminta Allah menggantikan ajal kepada ahli jemaah lain yang telah sempurna iman dan taqwa;

(xv) Sewaktu ahli jemaah sedang nazak, Abuya akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala ahli jemaah tersebut dengan mengajarkan talkin Dengan itu, syaitan tidak akan menyesatkan ahli jemaah berkenaan;

(xvi) Sewaktu ahli jemaah sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, Abuya akan datang menemani dan menjawab soalan bagi pihak ahli jemaah. Dengan itu, ahli jemaah berkenaan akan terlepas seksaan kubur; dan

(xvii)Sewaktu di padang mashyar, Abuya akan menunggu untuk memberi *syafaat* kepada para pengikutnya.

b) Kesalahan yang bercanggah dengan syariah Islamiyyah adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa:

(i) Ibadat sembahyang Jumaat pada mereka adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi. Apabila Imam Mahdi muncul dan membentuk kerajaan barulah ibadat sembahyang Jumaat menjadi wajib;

(ii) *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah dalam bentuk ilham;

(iii) Orang yang berjuang dengan mempunyai minda Abuya adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda Abuya dalam perjuangannya;

(iv) Seorang ahli ibadah (*'Abid*) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana tidak mempunyai minda setaraf dengan wahyu dan tidak boleh menjadi khalifah.

(v) Al-Quran yang ada sekarang hanya tinggal *mashaf* dan lafaz sahaja. Roh Al-Quran telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada *Mujaddid* (Haji Ashaari bin Muhammad);

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

(vi) Sembahyang sehari semalaman hanya tiga waktu sahaja iaitu Subuh, sembahyang jamak Zohor dan Asar serta jamak Maghrib dan Isyak;

(vii) Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadat haji;

(viii) Duduk majlis dengan Abuya pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang Tahajud sepanjang hayat;

(ix) Beramal dengan *Aurad Muhammadiah* sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya. Dengan mengamalkan *Aurad Muhammadiah* ahli jemaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Abuya;

(x) Amalan *Aurad Muhammadiah* akan terbatal sekiranya ahli jemaah mengamalkan dosa besar, tidak mengamalkan tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya; dan

(xi) Mengamalkan zikir agung ( (الذكر الأعظم) ) yang terkandung di dalamnya unsur *tawassul*, menyeru roh orang yang telah mati serta mendakwa bahawa al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

c) Kesalahan yang bercanggah dengan akhlak dan etika bermasyarakat adalah berdasarkan kepercayaan bahawa:

(i) Ulama yang ada sekarang adalah ulama kitab atau ulama hafalan yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Manakala *Sahibul Zaman* pula, ilmunya datang terus dari Tuhan;

(ii) Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Ph. D adalah tidak bermanfaat kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman;

(iii) Ilmu para ulama sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak setanding dengan ilmu orang Tuhan; dan

(iv) Allah melarang ulama yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya *Mujaddid* yang berwatak Rasul.



2. Berdasarkan kepada penyelewengan tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah bersetuju memutuskan bahawa ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh ahli jemaah SRC dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.

3. Oleh yang demikian, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang mengambil keputusan bahawa:

(i) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jemaah atau pengikut SRC dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

(ii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jemaah atau pengikut SRC dan rangkaian syarikat gabungannya dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, perubatan, pembinaan, pertanian, perladangan, telekomunikasi atau apa-apa aktiviti lain yang berhubungkait dengan SRC dan apa-apa ajaran yang mempunyai unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

(iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman kumpulan al-Arqam sama ada melalui SRC dan rangkaian syarikat gabungannya atau mana-mana pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

(iv) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang disebut di dalam subperenggan 3 (i), (ii) dan (iii) adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah;

(v) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam dan ajaran, pegangan dan fahaman ahli jemaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam dan ahli jemaah SRC adalah bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam; atau

(vi) Apa-apa jua bahan publisiti yang menonjolkan atau menghidupkan ajaran kumpulan al- Arqam dan ajaran, pegangan serta fahaman ahli jemaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam serta ahli jemaah SRC dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan.

Bertarikh 29 Januari 2007
[PU/PP 3200 Jld. 1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI AJARAN TOK HUSSIN JANGGUT / ILMU TAJALI AHMAD LAKSAMANA

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**29hb April 2010**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 239.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA MENGENAI AJARAN TOK HUSIN JANGGUT/ ILMU TAJALLI AHMAD LAKSAMANA**

Bahawa Ajaran Tok Husin Janggut/Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut dan orang Islam yang mengamalkannya boleh dikenakan tindakan undang-undang. Di antara ciri-ciri ajaran ini ialah:

i. Tidak mengamalkan Syariat Islam seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan lain-lain;

ii. Merasakan dirinya telah mencapai martabat atau darjat "ilmu hakikat" iaitu suatu tahap di mana diri telah menjadi suci dan tidak perlu lagi melakukan ibadah sembahyang.

(iii) Berpegang dan menjadikan kitab الدر النفيس (*ad Dur an Nafis*) sebagai rujukan utama (buku ini dari sudut akidah telah menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan telah diwartakan haram oleh JAKIM kerana berpegang dengan ajaran *Wahdatul Wujud*) dan juga kitab; شرح أصول التحقيق (*Syarh Usul al Tahqiq*) sebagai kitab rujukan kedua;

(iv) Mengatakan dirinya tuhan seperti pengakuan yang dibuat olehnya di dalam sesi soal siasat bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Mufti, seperti "Yang dok bercakap ni lah tuhan/Allah......";

(v) Berpegang kepada konsep لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم iaitu manusia tiada daya upaya untuk bergerak hatta walaupun untuk pergi membuang air besar. Semuanya berlaku adalah kerana wujudnya Allah dalam diri manusia sehinggakan di dalam diri binatang sekalipun;

(vi) Mengaku dirinya sudah tidak mempunyai iman/tidak beriman;

(vii) Berpegang kepada konsep Wahdatul Wujud iaitu menyamakan sifat dan zat Allah dengan benda baru atau makhluk ciptaan-Nya sedangkan Allah bersifat dengan ليس كمثله شيء ;

(viii) Manusia tidak boleh menyebut kalimah Allah kerana sekiranya disebut akan menjadi syirik; dan

(ix) Mempersoalkan kalimah "Allah" sama ada Ia disembah pada namanya "Allah" atau pada hurufnya "alif lam lam ha".

Bertarikh 7 Januari 2010
[JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*





اينكمن ڤنتدبيرن اكام اسلام
**( نكري ڤولاو ڤينڠ) 2004**

**فتوى دباوه سيكشن 48**

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيكشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اكام اسلام (نكري ڤولاو ڤينڠ) 2004، مفتي نكري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اکوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي اجرن توق حسين جڠكوت/ علم تجلي أحمد لقسامان

بهاوا اجرن توق حسين جڠكوت/ علم تجلي أحمد لقسامان دداڤتي مڽيليويڠ درڤد اجرن إسلام يڠ سبنر. اوليه يڠ دمكين اورڠ إسلام اداله دلارڠ مڠعملكن اجرن ترسبوت دان اورڠ إسلام يڠ مڠعملكن بوليه دكناكن تيندقن اونداڠ- اونداڠ. دأنتارا چيري- چيري اجرن اين اياله:-

i. تيدق مڠعملكن شريعة إسلام سڤرتي سمبهيڠ، ڤواسا، مڠلواركن زكاة دان لاءين – لاءين؛

ii. مراساكن ديرين تله منچاڤاي مرتبة اتاو درجة "علمو حقيقة" اتاو سواتو تاهڤ د مان ديري تله منجادي سوچي دان تيدق ڤرلو لاكي ملاكوكن عبادة سمبهيڠ؛

iii. برڤݢڠ دان منجاديكن كتاب "الدر النفيس" سباݢاي روجوعكن اوتام ( بوكو اين داري سودوت عقيدة تله مڽيليويڠ داري ڤݢاڠن أهلي سنة والجماعة دان تله

ورتاكن حرام اوليه حاكيم كران برفڬڠ دڠن اجرن وحدة الوجود ) دان جوک
كتاب " شرح أصول التحقيق " سباکاي كتاب روجوعكن كدوا؛

iv. مڠاتاكن ديرين توهن سفرتي ڤڠاكوان يڠ دبوات اوليهن ددالم سيسي سوأل – سياست برسام جابتن حال احوال أݢام إسلام دان جابتن مفتي، سفرتي : " يڠ دوق برچاكڤ ني له توهن / الله..."؛

v. برفڬڠ كڤد كونسيف لا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم ياءيت ماءنسي تياد داي أوفاي اونتوق بركرق حتى والاوڤون اونتوق ڤركي ممباوغ أير بسر سكاليڤون. سمواڽ برلاكو أداله كران وجودڽ الله دالم ديري ماءنسي سهيڠݢاكن ددالم ديري بناتڠ سكاليڤون؛

vi. مڠاكوءي ديرين سوده تيدق ممفوڽاءي إيمان / تيدق برإيمان؛

vii. برفڬڠ كڤد كونسيف وحدة الوجود ياءيت مپاماكن صفة دان ذات الله دڠن بندا بارو اتاو مخلوق چيڤتاءنڽ سدڠكن الله برصفة دڠن" ليس كمثله شيء"؛

viii. ماءنسي تيدق بوليه مپبوت كلمة الله كران سکيراڽ دسبوت اكن منجادي شيريك؛ دان

ix. ممفرسوءالكن كلمة "الله" سما ادا اي دسمبه ڤد ناماڽ " الله " اتاو ڤد حروف " ا ل ل ه " .

برتاريخ 7 جانواري 2010

[JMNPP / (S) /19/1/1101/001 ( 16) ; PUNPP. 152. 100.1/2/2 Jld. 2]

داتؤ حاج حسن بن حاج أحمد
مفتي كراجأن نكري ڤولاو ڤينڠ

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA AJARAN TASLIM ATAU AJARAN HAJI AHMAD / MUHAMMAD MATAHARI

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**9 Disember 2010**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 862.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**AJARAN TASLIM ATAU AJARAN HAJI AHMAD/MUHAMMAD MATAHARI**

1. Bahawa Ajaran Taslim atau Ajaran Haji Ahmad/Muhammad Matahari didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut dan orang Islam yang mengamalkannya boleh dikenakan tindakan undang-undang. Di antara ciri-ciri ajaran ini ialah:

   (i) Menyerah diri, anak, isteri dan harta kepada Rasul atau penggantinya yang berada di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang;

   (ii) Tidak perlu sembahyang, kerana Allah akan bersama-sama/beserta tubuh badan kita iaitu manusia apabila mengucap;

(iii) Menolak lapan buah hadis mengenai perkara Israk dan Mikraj Rasulullah s.a.w. iaitu mengenai pensyariatan atau kewajipan menunaikan solat 5 waktu dan menganggap hadis tersebut adalah bohong dan rekaan ulama semata-mata;

(iv) Islamnya seseorang itu, hanya sah apabila dia berjumpa dengan Rasul di Kampung Seronok;

(v) Menganggap dirinya (Haji Ahmad Matahari atau Haji Muhammad Shafie) sebagai pengganti Rasulullah s.a.w. setelah baginda wafat;

(vi) Menganggap Kitab Al-Quran adalah karangan manusia dan mushaf yang sebenar dan asli hanya dimiliki oleh Rasul di Pulau Pinang;

(vii) Beranggapan bahawa hari Jumaat merupakan hari pertemuan Nabi Adam dan Hawa yakni waktu berjimak pada waktu Zohor;

(viii) Melakukan upacara ratib;

(ix) Menunaikan haji hanyalah cukup atau sah sekadar dengan mendaki Bukit Payong di Bayan Lepas, Pulau Pinang;

(x) Bernikah secara batin;

(xi) Beriktikad bahawa dalam diri manusia mempunyai 2 perkara iaitu diri batin dan diri zahir;

(xii) Percaya bahawa alam ini bersifat qadim dan bukannya baru;

(xiii) Ayat-ayat Al-Quran ditafsirkan mengikut nafsu dirinya sendiri;

(xiv) Menolak beberapa perkara ghaib seperti wujudnya syurga, neraka dan hari kiamat.

(xv) Sembahyang dilakukan secara niat dan tidak perlu kepada perbuatan dan bacaan (*fe'li dan qauli*);

(xvi) Menganggap Haji Muhammad Matahari sebagai pemimpin yang maksum; dan

(xvii) Mengharusk an perzinaan melalui konsep nikah batin;

2. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang mengajar, mengamal dan menyebar ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah s.w.t.



3. Mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran dan fahaman tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Dibuat Ogos 2010
[JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

اينكمن ڤنتدبيرن اكام اسلام
( نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيکشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيکشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اكام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004، مفتي نڬري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اڬوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

## جدوال

### اجرن تسليم اتاو اجرن حاج أحمد / محمد ماتاهاري

1. بهاوا اجرن تسليم اتاو اجرن حاج أحمد / محمد ماتاهاري ددافتي مپليويڠ درفد اجرن إسلام يڠ سبنر. اوليه يڠ دمكين اورڠ إسلام اداله دلارڠ مڠعملكن اجرن ترسبوت دان اورڠ إسلام يڠ مڠعملكن بوليه دكناكن تيندقن اونداڠ-اونداڠ. دأنتارا چيري-چيري اجرن اين اياله:-

i. ميره ديري، أنق، استري دان هرتا كفد رسول اتاو ڤڠكنتين يڠ براد دكمفوڠ سرونوق، بيان لڤس ڤولاو ڤينڠ؛

ii. تيدق ڤرلو سمبهيڠ، كران الله اكن برسام-سام / برسرتا توبوه بادن كيت ياءيت ماءنسي اڤابيلا مڠوچڤ؛

iii. منولق لاڤن بواه حديث مڠناءي ڤركارا اسراء دان معراج رسول الله ياءيت مڠناءي ڤنشريعتن اتاو كواجيڤن منونايكن صلاة 5 وقتو دان مڠڠكڤ حديث ترسبوت اداله بوهوڠ دان ريكاءن علماء سمات-مات؛

iv. إسلامن سسأورڠ ايت هان صح اڤابيلا دي برجومڤا دڠن رسول دكمفوڠ سرونوق؛

v. مڠڠكڤ ديرين (حاج أحمد ماتاهاري اتاو حاج محمد شفعي) سباكاي ڤڠكنتي رسول الله ستله بݢيندا وفاة؛

vi. مڠڠكڤ كتاب القرءان اداله كارڠن ماءنسي دان مصحف يڠ سبنر دان اصلي هان دميليكي اوليه رسول د ڤولاو ڤينڠ؛





vii. براڠڠڤن بهاوا هاري جمعة مروڤاكن هاري ڤرتموان نبي ادم دان حوا يعني وقتو برجماع فد وقتو ظهر؛

viii. ملاكوكن اوڤاچارا راتيب؛

ix. منونايكن حاج هاڤله چوكوڤ اتاو صح سقدر دڠن منداكي بوكيت ڤايوڠ د باين لڤس، ڤولاو ڤينڠ؛

x. برنكاح سچارا بطين؛

xi. براعتقاد بهاوا دالم ديري ماءنسي مڠوبايٴ 2 ڤركارا ياءيت ديري بطين دان ديري ظاهير؛

xii. ڤرچاي بهاوا عالم اين برصفة قديم دان بوكنن بارو؛

xiii. آيات-آيات القرءان د تفسيركن مڠيكوت نفسو ديرين سنديري؛

xiv. منولق برايڤ ڤركارا غائيب سڤرتي وجودڽ شرك، نراك دان هاري قيامة؛

xv. سمبهيڠ دلاكوكن سچارا نية دان تيدق ڤرلو كفد ڤربواتن دان باچأن (فعل دان قول)؛

xvi. مڠڠكڤ حاج محمد ماتاهاري سباكاي ڤمفين يڠ معصوم؛ دان

xvii. مڠهاروسكن ڤرزينأن ملالوئ كونسيف نكاح بطين.

2. اوليه ايت مان-مان اورڠ إسلام يڠ مڠاجر، مڠعمل دان ميبار اجرن اين هندقله سڬرا برتوبة سرتا مموهون كأمڤونن دري الله سبحانه وتعالى.

3. مان-مان اورڠ إسلام اتاو كومڤولن يڠ برڤڬڠ كڤد اجرن دان فهمن ترسبوت اداله دلارڠ سام سكالي كران اي برچڠكه دڠن ڤڬڠن أهلي سنة والجماعة.

د بوات Ogos 2010

[JMNPP / (S) / 19 / 1101 / 001 (16); PUNPP.152.100.1/2/2 Jld.2]

داتؤ حاج حسن بن حاج أحمد

مفتي كراجأن نكري ڤولاو ڤينڠ

# FATWA BUKU / RISALAH / KERTAS KERJA "ULUL ALBAB", KARANGAN ISMAIL BIN KASSIM

NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**9 Disember 2010**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 865.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**BUKU/RISALAH/KERTAS KERJA 'ULUL ALBAB',
KARANGAN ISMAIL BIN KASSIM**

1. Bahawa Buku/Risalah/Kertas Kerja '*Ulul Albab*', karangan Ismail bin Kassim adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah serta menjadi ancaman kepada perpaduan dan keutuhan ummah dan bangsa, serta keamanan Negara.

2. Fahaman dan amalan ini perlu disekat keseluruhannya daripada terus berkembang di Negeri Pulau Pinang kerana terdapat ciri-ciri di dalam buku *Ulul Albab* yang bertentangan dengan ajaran agama Islam seperti yang berikut:

2.1 Menuduh para penulis Al-Quran mengubah ayat Al-Quran sedangkan Allah telah memberi jaminan bahawa Dia akan menjaganya daripada sebarang perubahan, sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿٩﴾

*Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya";*

2.2 Kesilapan nama penulis kitab Al-Quran iaitu di dalam buku tersebut ditulis nama Said bin Al-'As (nama penulis sebenar ialah Said bin Abil 'As) dan Abdul Rahman bin Haris (nama sebenar ialah Abdul Rahman bin Hisham);

2.3 Menghina dan merendahkan martabat Al-Quran mashaf Rasm Uthmani sebagai tidak mampu memberi petunjuk dan tidak boleh dijadikan sebagai rujukan terhadap hukum-hukum Allah;

2.4 Menganggap Al-Quran sebagai sebuah kitab yang tercemar kerana susun atur ayat-ayatnya yang cacat-cela;

2.5 Kenyataan dan susunan ayat yang mengelirukan;

2.6 Hadis Nabi tidak bersandarkan kepada nas yang sahih;

2.7 Menuduh para ustaz/ustazah dan ulama' tidak berakal;

2.8 Menuduh para ustaz/ustazah dan ulama' mengembangkan fahaman *bid'ah dholalah*; dan

2.9 Menuduh para ustaz/ustazah dan ulama' menjadi penyokong dan berpakat dengan musuh Islam, menerima latihan serta bantuan kewangan dan senjata untuk menjatuhkan pemimpin Islam.

3. Mana-mana orang Islam yang berpegang kepada fahaman dan amalan kandungan tersebut adalah dilarang sama sekali dan boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana ia adalah salah dan sesat serta bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang meliputi:

(a) mengajar, mengamal, dan menyebarkan fahaman dan amalan kandungan buku tersebut; dan



(b) menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran fahaman dan amalan tersebut.

Dibuat Ogos 2010
[JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri,*
*Pulau Pinang*

اينكمن ڤنتدبيرن اکام اسلام
**( نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004**

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيكشن 48 (3) دان (4) اينكمن ڤنتدبيرن اکام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004، مفتي نڬري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اكوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

**بوكو/ رسالة / كرتس كرجا " أولو الأباب" كارڠن إسماعيل بن قاسيم**

1. بهاوا بوكو/ رسالة / كرتس كرجا 'أولو الأباب' كارڠن إسماعيل بن قاسيم اداله برچڠكه دان مپليويڠ درڤد ڤڬاڠن أهلي السنة والجماعة سرتا منجادي أنچامن كڤد ڤرڤادوان دان كاؤتوهن أومة دان بڠسا سرتا كأمانن نڬارا.

2. فهمن دان عملن اين ڤرلو دسكت كسلوروهنن درڤد تروس بركمبڠ دنڬري ڤولاو ڤينڠ كران ترداڤت چيري-چيري ددالم بوكو أولو الأباب يڠ برتنتڠن دڠن أجرن أكام إسلام سڤرتي يڠ بريكوت:-

2.1 منودوه ڤارا ڤنوليس القرءان مڠوبه أية القرءان سدڠكن الله تله ممبري جامينن بهاوا دي اكن منجاڬ درڤد سبارڠ ڤراوبهن سباڬايمان فرمان الله د دالم سورة الحجر أية 9:

إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ (٩)

مقصودن : *"سسوڠڬوهڽ كامي يڠ منورونكن القرءان، دان كامي يڠ ممليهارا دان منجاڬڽ."* ;

2.2 كسيلڤن نام ڤنوليس كتاب القرءان يائيت د دالم بوكو ترسبوت د توليس نام سعيد بن العاص (نام ڤنوليس سبنر اياله سعيد بن ابى العاص) دان عبد الرحمن بن حارث (نام سبنر اياله عبد الرحمن بن هشام)؛

2.3 مڠهينا دان مرندهكن مرتبة القرءان مصحف رسم عثماني سباڬاي تيدق ممڤو ممبري ڤتونجوق دان تيدق بوليه دجاديكن سباڬاي رجوعكن ترهادڤ حكوم-حكوم الله؛

2.4 مڠڠڬڤ القرءان سباڬاي سبواه كتاب يڠ ترجمر كران سوسونن اتور أية-أيتن يڠ چاچت چلا؛

2.5 كڤاتوءن دان سوسونن أية يڠ مڠليروكن؛

2.6 حديث نبي تيدق برسندركن كڤد نص يڠ صحيح؛

2.7 منودوه ڤارا استاذ / استاذه دان علماء تيدق برعقل؛

2.8 منودوه ڤارا استاذ / استاذه دان علماء مڠمبڠكن فهمن بدعه ضلالة؛ دان





2.9 منودوه ڤارا استاذ / استاذه دان علماء منجادي ڤڠوكوڠ دان برڤاكت دڠن موسوه إسلام، منريما لاتيهن سرتا بنتوان كأواڠن دان سنجات اونتوق منجاتوهكن ڤميمڤين إسلام.

3. مان-مان أورڠ إسلام يڠ برڤڬڠ كڤد فهمن دان عملن كندوڠن ترسبوت اداله دلارڠ سام سكالي كران إي اداله ساله دان سست سرتا برچڠڬه دڠن ڤڬڠن أهلي السنة والجماعة يڠ مليڤوتي:-

(أ) مڠاجر، مڠعمل، دان مڽبارکن فهمن دان عملن کندوڠن بوکو ترسبوت؛ دان

(ب) منربيتكن اف-اف بنتوق، ورسي اتاو وارياسين اتاو اف-اف ترجمهن دالم اف-اف بهاس اتاو اف-اف باهن ڤوبليسيتي اتاو اف-اف باهن سام اد باهن چيتق اتاو إليكترونيق اتاو سلاٴين اتاو ملالوءي اف-اف ميديا اتاو اف-اف قاعدة يڠ بوليه ممباوا كڤد ڤڽبارن فهمن دان عملن ترسبوت.

د بوات 2010 Ogos

[ JMNPP / (S) /19/1/1101/001 ( 16) ; PUNPP. 152. 100.1/2/2 Jld.2 ]

داتؤ حاج حسن بن حاج أحمد

مفتي كراجأن نڬري ڤولاو ڤينڠ



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI PERINTAH ISTITABAH

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*


| | | |
|---|---|---|
| Jil .57<br>No. 4 | **14 Februari 2013** | *TAMBAHAN*<br>*NO. 1* |


ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No.87.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) dan subseksyen 50 (1). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA MENGENAI PERINTAH ISTITABAH**

1. Seseorang yang diertikan sebagai Islam, tetapi mengamalkan cara hidup bukan Islam seperti menyembah berhala atau telah melaksanakan "deed poll" (pengakuan menolak Islam) tidak boleh dihukum sebagai murtad atau disifatkan telah murtad melainkan setelah memperoleh suatu perintah bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

2. Untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu untuk menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.

3. Mahkamah Tinggi Syariah, menurut fasal 2, hendaklah menetapkan tempoh program pemurnian akidah mengikut satu tempoh yang dirasakan sesuai dan wajar oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut mestilah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.

4. Jika orang itu, setelah menjalani program pemurnian akidah menurut fasal 2 dan 3, telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, maka selepas itu Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah membatalkan kes murtad orang itu.

5. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjalani program pemurnian akidah menurut fasal 2 dan 3 namun gagal untuk bertaubat, maka Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menangguhkan kes orang itu dan pada masa yang sama memerintahkan orang itu supaya menjalani program pemurnian akidah yang selanjutnya, mengikut satu tempoh yang dirasakan sesuai dan wajar oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut mestilah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.

6. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjalani program pemurnian akidah namun gagal untuk bertaubat setelah tamat tempoh yang diperintahkan di bawah fasal 2, 3 dan 5, maka selepas itu dan tertakluk kepada fasal 7 dan 8, Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat Perintah Interim untuk memerintahkan bahawa orang itu telah murtad dengan syarat bahawa orang tersebut:

    (a) berakal, tidak sah murtad orang gila;

    (b) baligh, menurut Imam Syafie dan Al-Imam Abu Yusuf, tidak sah kanak-kanak yang mumayyiz;

    (c) membuat pilihan sendiri atau sukarela, tidak sah murtad orang yang dipaksa.

7. Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat perintah murtad mengikut fasal 6, mestilah juga sebelum membuat Perintah Interim tersebut memerintahkan mengenai perkara- perkara yang berikut:

    (a) pembubaran perkahwinan;

    (b) pembahagian harta sepencarian;

    (c) hak perwalian;

    (d) pembahagian harta pusaka; dan

    (e) hadhanah.



8. Berkaitan dengan fasal 6, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menetapkan dan memerintahkan orang yang telah murtad tersebut supaya menjalani satu tempoh Istitabah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.

9. Dalam keadaan bila mana seseorang yang tersebut di fasal 3 dan 5 telah meninggal dunia, maka beliau adalah masih seorang Islam.

10. Mana-mana orang yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai telah murtad mengikut fasal 6 dan telah menjalani Istitabah mengikut fasal 8, namun gagal untuk bertaubat, Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat perintah muktamad untuk mengisytiharkan bahawa orang itu telah murtad.

11. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai telah murtad dan dia gagal, ingkar atau enggan untuk bertaubat dalam tempoh Istitabah yang ditetapkan mengikut fasal 8, maka Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menjatuhkan hukuman berdasarkan hukum Syarak.

12. Dalam keadaan bila mana seseorang yang telah diperintahkan sebagai murtad oleh Mahkamah Tinggi Syariah mengikut fasal 6 telah meninggal dunia, maka beliau adalah dianggap bukan lagi sebagai seorang Islam.

13. Adalah haram bagi orang Islam untuk mewakili orang Islam yang ingin murtad.

14. Orang Islam yang membantu orang Islam yang lain untuk murtad adalah dihukum murtad.

15. Bagi maksud Fatwa ini, "Majlis" adalah merujuk kepada proses runding cara, sesi kaunseling, program motivasi, ziarah dan apa-apa juga program lain yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memulihkan akidah Islam.

16. Fatwa ini membatalkan Fatwa yang telah diwartakan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pulau Pinang menurut *Warta* Jilid 53, No. 17 bertarikh 13 Ogos 2009.

Bertarikh 30 Mei 2012
[JMNPP/(S)/19/1101/001(35); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Pulau Pinang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

اينكمن ڤنتدبيرن اكام إسلام
( نكري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى د باوه سيکشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سوبسيکشن 48(3) دان (4) دان سوبسيکشن 50(1) اينكمن ڤنتدبيرن اكام إسلام (نكري ڤولاو ڤينڠ) 2004 [ /اينكمن 2] جاوتنكواس فتوى نكري ڤولاو ڤينڠ اتس ڤركنن يڠ د ڤرتوان اكوڠ ممبوات فتوى سڤرتي يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠنأي ڤرينته ايستيتابه

1 سسأورڠ يڠ دأرتيكن سباݢاي إسلام، تتاڤي مڠعملكن چارا هيدوڤ بوكن إسلام سڤرتي ميمبه برهالا اتاو تله ملقساناكن "ديد ڤول" ( ڤڠاكوان منولق إسلام ) تيدق بوليه دحكوم سباݢاي مرتد اتاو دصفتكن تله مرتد ملأينكن ستله مڤراوليه سواتو ڤرينته باݢي مقصود ايت درڤد محكمه تيڠݢي شريعة.

2 اونتوق مڠيشتهاركن بهاوا سسأورڠ ايت بوكن لاݢي اورڠ إسلام، محكمه تيڠݢي شريعة هندقله ترلبيه دهولو ممرينتهكن اورڠ ايت اونتوق منجالني ڤروݢرام ڤمورنيان عقيدة مڠيكوت كتنتوان يڠ اكن دتنتوكن دري سماس كسماس اوليه ڤيهق بركواس اكام إسلام نكري.

3 محكمه تيڠݢي شريعة، منوروت فصل 2، هندقله منتڤكن تيمڤوه ڤروݢرم ڤمورنيان عقيدة مڠيكوت ساتو تيمڤوه يڠ دراساكن سسواي دان واجر اوليه محكمه تتاڤي تيمڤوه ترسبوت مستيله تيدق كوراڠ درڤد 12 كالي مجليس.

4 جك اورڠ ايت، ستله منجالني ڤروݢرم ڤمورنيان عقيدة منوروت فصل 2 دان 3، تله برتوبة مڠيكوت حكوم شرع، مك سلڤس ايت محكمه تيڠݢي شريعة هندقله ممبطلكن كيس مرتد اورڠ ايت.

5 مان-مان اورڠ إسلام يڠ تله دڤرينتهكن اوليه محكمه تيڠݢي شريعة اونتوق منجالني ڤروݢرام ڤمورنيان عقيدة منوروت فصل 2 دان 3 نامون كاݢل اونتوق برتوبة، مك محكمه تيڠݢي شريعة هندقله منڠݢوهكن كيس اورڠ ايت، دان ڤد ماس يڠ سام ممرينتهكن اورڠ ايت سوڤاي منجالني ڤروݢرام ڤمورنيان عقيدة يڠ سلنجوتڽ، مڠيكوت ساتو تيمڤوه يڠ دراساكن سسواي دان واجر اوليه محكمه تتاڤي تيمڤوه ترسبوت مستيله تيدق كوراڠ درڤد 12 كالي مجليس.

6 مان-مان اورڠ إسلام يڠ تله د ڤرينتهكن اوليه محكمه تيڠݢي شريعة اونتوق منجالني ڤروݢرام ڤمورنين عقيدة نامون كاݢل اونتوق برتوبة ستله تمت تيمڤوه يڠ دڤرينتهكن د باوه فاسل2، 3، دان 5، مك سلڤس ايت دان ترتعلوق كڤد فصل7 دان 8 ، محكمه تيڠݢي شريعة بوليه ممبوات ڤرينته اينتريم اونتوق ممرينتهكن بهاوا اورڠ ايت تله مرتد دڠن شرط بهاوا اورڠ ترسبوت:

(a) برعقل، تيدق صح مرتد اورڠ ݢيلا؛
(b) بالغ، منوروت إمام شافعي دان إمام ابو يوسف، تيدق صح مرتد كانق-كانق موميز؛
(c) ممبوات ڤيليهن سنديري اتاو سوكاريلا، تيدق صح مرتد اورڠ يڠ دڤقسا.

7 محكمه تيڠݢي شريعة دالم ممبوات ڤرينته مرتد مڠيكوت فصل 6، مستيله جوݢ سبلوم ممبوات ڤرينته اينتريم ترسبوت ، ممرينتهكن مڠنأي ڤركارا- ڤركارا بريكوت:

(a) ڤمبوبرن ڤركهوينن؛

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

(b) ڤمبهاڬين هرتا سڤنچارين؛

(c) حق ڤروالين؛

(d) ڤمبهاڬين هرتا ڤوساکا؛ دان

(e) حضانه.

8 برکاءيتن دڠن ڤصل 6 د اتس، محکمه تيڠڬي شرعية هندقله منتڤکن دان ممرينتهکن اورڠ يڠ تله مرتد ترسبوت سوڤاي منجالني ساتو تيمڤوه ايستيتابه تيدق کورڠ درڤد 12 کالي مجليس.

9 دالم کادأن بيلا مان سساوراڠ يڠ ترسبوت د ڤصل 3 دان 5 تله منيڠڬل دنيا، مک بلياو اداله ماسيه سأورڠ إسلام.

10 مان-مان اورڠ يڠ تله دڤوتوسکن اوليه محکمه تيڠڬي شريعة سباڬاي تله مرتد مڠيکوت ڤصل 6 دان تله منجالاني ايستيتابه مڠيکوت ڤصل 8، نامون کاڬل اونتوق برتوبة، محکمه تيڠڬي شريعة بوليه ممبوات ڤرينته معتمد اونتوق مڠيشتهارکن بهاوا اورڠ ايت تله مرتد.

11 مان-مان اورڠ إسلام يڠ تله دڤرينتهکن اوليه محکمه تيڠڬي شريعة سباڬاي تله مرتد دان دي کاڬل، ايڠکر اتاو اڠڬن اونتوق برتوبة دالم تيمڤوه ايستيتابه يڠ دتتڤکن مڠيکوت ڤصل 8، مک محکمه تيڠڬي شريعة هندقله منجاتوهکن حکومن برداسرکن حکومن شرع.

12 دالم کأدان بيلا مان سساورڠ يڠ تله دڤرينته سباڬاي مرتد اوليه محکمه تيڠڬي شريعة مڠيکوت ڤصل 6 تله منيڠڬل دنيا، مک بلياو اداله دأڠڬڤ بوکن لاڬي سباڬاي اورڠ إسلام.



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

13 اداله حرام باڬي اورڠ إسلام اونتوق مواکيلي اورڠ إسلام يڠ ايڠين مرتد.

14 اورڠ إسلام يڠ ممبنتو اورڠ إسلام يڠ لاين اونتوق مرتد اداله دحکوم مرتد.

15 باڬي مقصود فتوى اين، "مجليس" اداله مروجوڠ کڤد ڤروسيس رونديڠ چارا، سيسي کاونسليڠ، ڤروڬرم موتيۏاسي، زياره، دان اڤ- اڤ ڤروڬرام لأين يڠ دانجورکن اوليه ڤيهق برکواس اڬام نڬري ڤولاو ڤينڠ برتوجوان اونتوق ممولیهکن عقيدة إسلام.

16 فتوى اين ممبطلکن فتوى يڠ تله دورتاکن دالم ورتا کراجأن نڬري ڤولاو ڤينڠ منوروت ورتا جيليد 53، نومبر: 17 برتاريخ 13 اوکوس 2009.

برتاريخ 30 Mei 2012

[JMNPP/(S)/19/1101/001(35);PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

داتوق سري حاج حسن بن حاج أحمد

ڤڠروسي جاوتنکواس فتوى

نڬري ڤولاو ڤينڠ



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

# FATWA MENGENAI FAHAMAN SYIAH

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*


| | | |
|---|---|---|
| Jil. 58<br>No. 7 | **27hb Mac 2014** | *TAMBAHAN No. 4*<br>*PERUNDANGAN* |


**Pg. P.U. 4.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA MENGENAI FAHAMAN SYIAH**

1. Fahaman dan Ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada Fahaman dan Ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.

2. Fahaman dan Ajaran ini perlu disekat keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada beberapa percanggahan yang terdapat dalam Fahaman dan Ajaran tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain.

**(a) Penyelewengan dari sudut akidah**

(i) **Khalifah diwasiatkan secara nas (الوصاية)**
(Sila rujuk Kitab ‘Aqaid al Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 78)

(ii) **Imam adalah maksum (العصمة)**
(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi al-Mizan oleh Muhammad Jawad Mughniah, halaman 38)

(iii) **Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia (البدا)**
(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu’ 1, halaman 146)

(iv) **Kemunculan semua Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (الرجعة)**
(Sila rujuk Kitab ‘Aqaid al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 83)

(v) **Berpura-pura (التقية)**
(Sila rujuk Kitab al-Usul min al-Kafi, Juzu’ 2, oleh Abu Ja’afar Muhammad bin Ya’kub bin Ishak al-Kulaini al-Razi, halaman 217)

(vi) **Muhammad bin Hassan al-Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar (المهدي المنتظر)**
(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi wa al-Tashih al-Sira’ Baina al-Syiah Wa al-Tasyayyu’ oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 61)

(vii) **Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S.W.T**
(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu’ 1, halaman 197)

(viii) **Mengkafirkan para sahabat Rasulullah S.A.W**
(Sila rujuk Kitab al-Anwar al-Nu’maniah oleh Syed Nikmatullah al-Musawi, halaman 81)

(ix) **Menghalalkan Nikah Muta’ah**
(Sila rujuk Kitab Man La Yahduruhu al-Faqih oleh Abu Ja’far Muhammad bin Ali bin Al-Hussain bin Babawaih al-Qummi, Juzu’ 1, halaman 358)

**(b) Penyelewengan dari sudut syariah**

(i) **Menolak Ijma’ Ulama’**
(Sila rujuk Kitab Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abdul Aziz Ghulam Hakim al-Dahlawi, halaman 51)



(ii) **Menolak Qiyas**
(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito’, halaman 149)

(iii) **Mengamalkan Nikah Muta’ah**
(Sila rujuk Kitab al-Nihayah Fi Mujarrad al-Fiqh Wa al-Fatawa oleh Abu Ja’faar Muhammad bin al-Hassan al-Tusi, halaman 489-491. Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Abu Ja’far Muhammad bin al-Hassan at-Tusi, halaman 254,259,266)

(iv) **Menolak ‘aul dan mendahulukan qorabah daripada ‘asobah dalam masalah pusaka**
(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100-101)

(v) **Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu’awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut mereka adalah musuh Allah**
(Sila rujuk Kitab al-Tafsir oleh Muhammad bin Mas’ud bin al-Iyasy, Juzu’ 1, halaman 116)

(vi) **Hanya Saidina Ali yang menghimpunkan Al-Quran dengan sempurna**
(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu’ 1, halaman 228)

(vii) **Menambah Syahadah**
(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu’ 1, halaman 441)

(viii) **Menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama’ah**
(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito’;, halaman 149)

**(c) Pelbagai penyelewengan umum**

(i) **Menziarahi kubur Saidina Husain ganjarannya syurga**
(Sila rujuk Kitab al-Irsyad oleh Muhammad bin Muhammad bin al-Nu’man al-Baghdadi, halaman 252)

(ii) **Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharram**
(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi Wa al Tashih al-Sira’ Baina al-Syiah Wa al-Tasyayyu’ oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 98)

(iii) **Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi Muhammad S.A.W iaitu Saidatina Aishah dan Hafsah**
(Sila rujuk Kitab Tuhfah al-Awam Maqbul oleh al-Syed Manzur Hussain, halaman 330)

(iv) **Menetapkan prinsip Khumus sebagai kadar zakat**
(Sila rujuk Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Ja'afar Muhammad bin at-Tusi, halaman 122)

(v) **Imamah dah Khalifah sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas**
(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145-146)

(vi) **Mengharuskan jama' sembahyang dalam semua keadaan**
(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993 halaman 36)

(vii) **Sembahyang Dhuha adalah Bid'ah**
(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)

(viii) **Islam bukanlah syarat wajib Haji**
(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)

(ix) **Wajib menyapu kedua-dua belah kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya**
(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)

3. Mana-mana orang Islam atau kumpulan dilarang berpegang kepada Ajaran dan Fahaman tersebut kerana ia bertentangan dengan Ajaran dan Fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi :

(a) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, yang menjadi pengikut Ajaran dan Fahaman ini adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(b) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan, atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(c) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan, atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali Ajaran dan Fahaman Syiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur- unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(d) Apa-apa variasi, versi,bentuk atau cabang mana-mana Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa-apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Ajaran dan Fahaman Syiah adalah bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(e) Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa- apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan fahaman Syiah dalam apa-apa jua bentuk penerbitan dan cetakan **adalah diharamkan**;

(f) Orang-orang Islam juga adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa bahan terbitan lain, dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda yang boleh mengaitkan Ajaran dan Fahaman Syiah kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan;

(g) Apa-apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas hendaklah dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Dibuat 24 Disember 2013
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2 (11); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld.2]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Negeri Pulau Pinang*



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

*FATWA* AND REVOCATION OF *FATWA*

In exercise of the power conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in Schedule.

**Revocation**

2. The Fatwa on the Teachings of Syiah published in Pg. P.U. 1. dated 16 January 1997 is revoked pursuant to the powers of subsection 50(1) of Enactment 2.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI FAHAMAN SYIAH*

1. *Fahaman dan Ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada Fahaman dan Ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara.*

2. *Fahaman dan Ajaran ini perlu disekat keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada beberapa percanggahan yang terdapat dalam Fahaman dan Ajaran tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain.*

*(a) Penyelewengan dari sudut akidah*

(i) ***Khalifah diwasiatkan secara nas*** **(الوصاية)**
*(Sila rujuk Kitab 'Aqaid al Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 78)*

(ii) ***Imam adalah maksum*** **(العصمة)**
*(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi al-Mizan oleh Muhammad Jawad Mughniah, halaman 38)*

(iii) ***Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia*** **(البدا)**
*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 146)*

(iv) ***Kemunculan semua Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan*** **(الرجعة)**
*(Sila rujuk Kitab 'Aqaid al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 83)*



(v) ***Berpura-pura*** **(التقية)**
*(Sila rujuk Kitab al-Usul min al-Kafi, Juzu' 2, oleh Abu Ja'afar Muhammad bin Ya'kub bin Ishak al-Kulaini al-Razi, halaman 217)*

(vi) ***Muhammad bin Hassan al-Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar*** **(المهدي المنتظر)**
*(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi wa al-Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al-Tasyayyu' oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 61)*

(vii) ***Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S.W.T***
*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 197)*

(viii) ***Mengkafirkan para sahabat Rasulullah S.A.W***
*(Sila rujuk Kitab al-Anwar al-Nu'maniah oleh Syed Nikmatullah al-Musawi, halaman 81)*

(ix) ***Menghalalkan Nikah Muta'ah***
*(Sila rujuk Kitab Man La Yahduruhu al-Faqih oleh Abu Ja'far Muhammad bin Ali bin Al-Hussain bin Babawaih al-Qummi, Juzu' 1, halaman 358)*

***(b) Penyelewengan dari sudut syariah***

(i) ***Menolak Ijma' Ulama'***
*(Sila rujuk Kitab Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abdul Aziz Ghulam Hakim al-Dahlawi, halaman 51)*

(ii) ***Menolak Qiyas***
*(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito', halaman 149)*

(iii) ***Mengamalkan Nikah Muta'ah***
*(Sila rujuk Kitab al-Nihayah Fi Mujarrad al-Fiqh Wa al-Fatawa oleh Abu Ja'faar Muhammad bin al-Hassan al-Tusi, halaman 489-491. Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Abu Ja'far Muhammad bin al-Hassan at-Tusi, halaman 254,259,266)*

(iv) ***Menolak 'aul dan mendahulukan qorabah daripada 'asobah dalam masalah pusaka***
*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100-101)*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

(v) ***Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut mereka adalah musuh Allah***
*(Sila rujuk Kitab al-Tafsir oleh Muhammad bin Mas'ud bin al-Iyasy, Juzu' 1, halaman 116)*

(vi) ***Hanya Saidina Ali yang menghimpunkan Al-Quran dengan sempurna***
*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 228)*

(vii) ***Menambah Syahadah***
*(Sila rujuk Kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 441)*

(viii) ***Menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama'ah***
*(Sila rujuk Kitab Aslu al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad bin al-Hussain Ali Kashif al-Ghito';, halaman 149)*

(c) ***Pelbagai penyelewengan umum***

(i) ***Menziarahi kubur Saidina Husain ganjarannya syurga***
*(Sila rujuk Kitab al-Irsyad oleh Muhammad bin Muhammad bin al-Nu'man al-Baghdadi, halaman 252)*

(ii) ***Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharram***
*(Sila rujuk Kitab al-Syiah Fi Wa al Tashih al-Sira' Baina al-Syiah Wa al-Tasyayyu' oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 98)*

(iii) ***Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi Muhammad S.A.W iaitu Saidatina Aishah dan Hafsah***
*(Sila rujuk Kitab Tuhfah al-Awam Maqbul oleh al-Syed Manzur Hussain, halaman 330)*

(iv) ***Menetapkan prinsip Khumus sebagai kadar zakat***
*(Sila rujuk Kitab Tahzib al-Ahkam oleh Ja'afar Muhammad bin at-Tusi, halaman 122)*

(v) ***Imamah dah Khalifah sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas***
*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145-146)*



(vi) ***Mengharuskan jama' sembahyang dalam semua keadaan***
*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993 halaman 36)*

(vii) ***Sembahyang Dhuha adalah Bid'ah***
*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)*

(viii) ***Islam bukanlah syarat wajib Haji***
*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)*

(ix) ***Wajib menyapu kedua-dua belah kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya***
*(Sila rujuk Buku Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hassan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)*

3. *Mana-mana orang Islam atau kumpulan dilarang berpegang kepada Ajaran dan Fahaman tersebut kerana ia bertentangan dengan Ajaran dan Fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi :*

(a) *Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, yang menjadi pengikut Ajaran dan Fahaman ini adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.*

(b) *Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan, atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

*(c) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan, melalui pertubuhan, persatuan, atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali Ajaran dan Fahaman Syiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Ajaran dan Fahaman Syiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

*(d) Apa-apa variasi, versi,bentuk atau cabang mana-mana Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa-apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Ajaran dan Fahaman Syiah adalah bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;*

*(e) Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan Ajaran atau Fahaman Syiah atau apa- apa ajaran atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan fahaman Syiah dalam apa-apa jua bentuk penerbitan dan cetakan* ***adalah diharamkan;***

*(f) Orang-orang Islam juga adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa bahan terbitan lain, dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda yang boleh mengaitkan Ajaran dan Fahaman Syiah kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan;*

*(g) Apa-apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas hendaklah dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.*

*Made 24 December 2013*
*[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2 (11); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld.2]*

*By command*

*DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD*
*Chairman of the Fatwa Commitee*
*State of Penang*




NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil.60** **21hb Julai 2016** **No. 15**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 *[Enakmen 2]*, atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembatalan

2. Fatwa Mengenai "Ajaran Tok Mat Janggut" yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No.157. bertarikh 8 Jun 2000 dibatalkan menurut kuasa subseksyen 50(1) Enakmen 2.

JADUAL

**AJARAN TOK MAT JANGGUT**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang hukum mengenai Ajaran Tok Mat Janggut menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti berikut :

1. Muhammad bin Othman (Tok Mat Janggut) telah menyeleweng daripada pendekatan biasa yang digunakan oleh ulama dalam pengajian akidah Islam bagi mengenal Allah S.W.T iaitu dengan mengkehendaki semua orang mesti mengenal Allah S.W.T melalui kaedah yang dibawa olehnya. Dia menghendaki

setiap orang perlu mengenal hakikat Allah S.W.T. sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan "*wa ma rabbu al-'Alamin*" (وما رب العالمين) dan menolak kaedah mengenal Allah S.W.T menerusi Pengajian Sifat 20.

2. Dia telah mewajibkan setiap orang agar mempelajari ilmu ketuhanan menurut pendekatan beliau, sedangkan mengikut ulama Ahlu Sunnah Wal Jama'ah seperti Imam al-Ghazali, orang awam hanya dikehendaki mempercayai kewujudan Allah S.W.T berdasarkan dalil-dalil yang mudah difahami sahaja dan mereka hanya patut menumpukan perhatian kepada aspek alam ibadat tanpa dibebankan dengan kewajipan memahami pendalilan akal yang rumit dan sukar difahami.

3. Dia menyatakan Allah S.W.T dengan menggunakan ungkapan "*ma*" (ما) sebagai ganti nama kepada Allah S.W.T berpandukan ayat 23, surah al-Syu'ara: قال فرعون وما رب العالمين iaitu Allah S.W.T disifatkan sebagai "apa", sedangkan dia seorang yang jahil tentang agama dan tidak memahami bahasa Arab.

4. Dia menggunakan ungkapan "*ma rabbuka*" (ما ربك) pada persoalan Malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur dan bukannya "*man rabbuka*" (من ربك) sedangkan hadis-hadis berkaitan soalan kubur menggunakan ungkapan "*man rabbuka"* (من ربك) Ungkapan "*ma rabbuka*" (ما ربك) di dalam ayat 23, Surah al-Syu'ara adalah merupakan ungkapan ayat yang digunakan oleh Firaun terhadap Nabi Musa a.s. yang dinukilkan dalam al-Quran.

5. Ungkapan "*ma rabbuka*" (ما ربك) sebenarnya tiada dalam lafaz hadis yang sahih kerana ungkapan yang betul adalah ialah "*man rabbuka*" (من ربك) dan di antara Hadis Nabi S.A.W yang dimaksudkan ialah ;

(a) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - صلى الله عليه وسلم - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: ((فيأتيه ملكان شديدًا الانتهار، فينتهرانه ويُجلسانه، فيقولان له: **مَن ربك؟** ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل -: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴾ [إبراهيم: 27]، فيقول: ربي الله، وديني الإسلام، ونبيّي محمد - صلى الله عليه وسلم - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))؛ (السلسلة الصحيحة: 3/1391)

(b) عن أبي قتادة - رضي الله عنه - في قوله تعالى: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ﴾ [إبراهيم: 27]، قال: "إن المؤمن إذا مات أُجْلس في قبره، فيقال له: **مَن ربُّك؟** فيقول: الله - عز وجل، فيقال له: مَن نبيك؟ فيقول: محمد بن عبدالله - صلى الله عليه وسلم - فيقال له ذلك مرات، ثم يُفتح له باب إلى النار، فيقال له: انظر إلى منزلك من النار لو زغت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى منزلك من الجَنَّة إذ ثبتَّ، وإذا مات الكافر أُجْلس في قبره، فيقال له: **من ربك؟** ومن نبيك؟ فيقول: لا أدري، كنت أسمع الناس يقولون، فيقال له: لا دريت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى مجلسك من الجَنَّة لو ثبتَّ، ثم يُفتح له باب إلى النار فيقال له: انظر إلى منزلك من النار إذ زغت، فذلك قوله تعالى: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ﴾ [إبراهيم: 27]"

6. Dia menggunakan ungkapan "tubuh Allah" di dalam pengajarannya. Kenyataan ini adalah tidak layak bagi Allah S.W.T sekalipun beliau menafikan Tuhan adalah sama dengan makhlukNya. Ini kerana Allah S.W.T tidak berjisim. Perkara ini telah dijelaskan dalam kitab al-Luma', karangan Abu Hassan Al-Asya'ari (terjemahan):



*"Masalah: sekiranya seseorang berkata atau bertanya, "Kenapakah kamu mengingkari (tidak menerima) bahawa Allah S.W.T itu adalah jisim?" Dikatakan (dijawab) baginya, "Kami mengingkarinya kerana orang yang berpendapat bahawa Allah S.W.T berjisim (pastinya menisbahkan Allah S.W.T) dengan panjang, lebar dan luas (ini sifat-sifat bagi jisim). Sedangkan (penisbahan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar: luas dan dalam adalah tidak harus (haram kerana menyerupai makhluk). Demikian juga berhimpun dan (bercerai kepada Allah S.W.T.), dan jika kehendaki (dengan soalannya tadi), kenapakah tidak kamu namakan dia (Allah S.W.T.) itu sebagai jisim walaupun tidaklah ia (Allah S.W.T.) itu panjang, lebar dan berhimpun? Maka (jawabnya) nama-nama itu hendaklah itu tidaklah boleh (disandarkan) kepada kita. Dan tidaklah harus kita namakan Allah S.W.T itu dengan satu nama yang Allah S.W.T sendiripun tidak menamakan zatNya dengan nama tersebut, dan tidak juga Rasulnya menamakan sebegitu , dan tidak juga umat Islam ijma' atasnya dan tidak juga atas pengertiannya..."*

7. Dia menyatakan zat Allah S.W.T menyelinap masuk atau sebati atau meliputi dengan segala zat yang baharu (kena jadi) berdalilkan dari surah Al-Nisa' ayat 126 :

وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٖ مُّحِيطٗا ١٢٦

*Maksudnya : Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi dan Allah sentiasa meliputi (pengetahuannya dan kekuasaannya) akan tiap-tiap sesuatu.*

8. Dia memperlekehkan ulama Usuluddin dan kitab-kitab mereka yang muktabar.

9. Menolak penggunaan kaedah hitungan Ilmu Falak dalam menentukan waktu solat dan puasa sebaliknya menggunakan kaedah melihat (*rukyah*) semata-mata.

10. Ajaran ini mengandungi penyelewengan dari sudut Aqidah dan Syariah serta perlu dihalang kerana ia membawa kekeliruan kepada masyarakat, berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i.* Pendekatan yang dibawa juga bercanggah dengan pendekatan ulama yang menyatakan bahawa kaedah untuk mengenal Allah S.W.T mestilah mengikut tahap kemampuan akal manusia. Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam yang telah mempelajari dan mengamalkan ajaran Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) di mana-mana jua berada hendaklah meninggalkannya dengan segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 10 Disember 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3 (11); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]

Dengan Titah Perintah



DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Negeri Pulau Pinang*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the power conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in Schedule.

Revocation

2. The Fatwa on "*Ajaran Tok Mat Janggut*" published in *Gazette* Notification No.157. dated 8 June 2000 is revoked pursuant to the powers of subsection 50(1) of Enactment 2.

SCHEDULE

*AJARAN TOK MAT JANGGUT*

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang hukum mengenai Ajaran Tok Mat Janggut menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti berikut :*

1. *Muhammad bin Othman (Tok Mat Janggut) telah menyeleweng daripada pendekatan biasa yang digunakan oleh ulama dalam pengajian akidah Islam bagi mengenal Allah S.W.T iaitu dengan mengkehendaki semua orang mesti mengenal Allah S.W.T melalui kaedah yang dibawa olehnya. Dia menghendaki setiap orang perlu mengenal hakikat Allah S.W.T. sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan "wa ma rabbu al-'Alamin"* (وما رب العالمين) *dan menolak kaedah mengenal Allah S.W.T menerusi Pengajian Sifat 20.*

2. *Dia telah mewajibkan setiap orang agar mempelajari ilmu ketuhanan menurut pendekatan beliau, sedangkan mengikut ulama Ahlu Sunnah Wal Jama'ah seperti Imam al-Ghazali, orang awam hanya dikehendaki mempercayai kewujudan Allah S.W.T berdasarkan dalil-dalil yang mudah difahami sahaja dan mereka hanya patut menumpukan perhatian kepada aspek alam ibadat tanpa dibebankan dengan kewajipan memahami pendalilan akal yang rumit dan sukar difahami.*

3. *Dia menyatakan Allah S.W.T dengan menggunakan ungkapan "ma"* (ما) *sebagai ganti nama kepada Allah S.W.T berpandukan ayat 23, surah al-Syu'ara:* قال فرعون وما رب العالمين *iaitu Allah S.W.T disifatkan sebagai "apa", sedangkan dia seorang yang jahil tentang agama dan tidak memahami bahasa Arab.*

4. *Dia menggunakan ungkapan "ma rabbuka"* ( ما ربك ) *pada persoalan Malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur dan bukannya "man rabbuka"* ( من ربك ) *sedangkan hadis-hadis berkaitan soalan kubur menggunakan ungkapan "man rabbuka"* (من ربك ) *Ungkapan "ma rabbuka"* (ما ربك) *di dalam ayat 23, Surah al-Syu'ara adalah merupakan ungkapan ayat yang digunakan oleh Firaun terhadap Nabi Musa a.s. yang dinukilkan dalam al-Quran.*

5. *Ungkapan "ma rabbuka"* (ما ربك) *sebenarnya tiada dalam lafaz hadis yang sahih kerana ungkapan yang betul adalah ialah "man rabbuka"* (من ربك) *dan di antara Hadis Nabi S.A.W yang dimaksudkan ialah ;*

(a) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - صلى الله عليه وسلم - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: ((فيأتيه ملكان شديدَا الانتهار، فيَنتهرانه ويُجلسانه، فيقولان له: **مَن ربك؟** ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل -: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴾ [إبراهيم: 27]، فيقول: ربي الله، وديني الإسلام، ونبيِّي محمد - صلى الله عليه وسلم - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))؛ (السلسلة الصحيحة: 3/1391)

(b) عن أبي قتادة - رضي الله عنه - في قوله تعالى: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ﴾ [إبراهيم: 27]، قال: "إن المؤمن إذا مات أُجْلس في قبره، فيقال له: **مَن ربُّك؟** فيقول: الله - عز وجل، فيقال له: مَن نبيك؟ فيقول: محمد بن عبدالله - صلى الله عليه وسلم - فيقال له ذلك مرات، ثم يُفتح له باب إلى النار، فيقال له: انظر إلى منزلك من النار لو زغت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى منزلك من الجَنَّة إذ ثبتَّ، وإذا مات الكافر أُجْلس في قبره، فيقال له: **من ربك؟** ومن نبيك؟ فيقول: لا أدري، كنت أسمع الناس يقولون، فيقال له: لا دريت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى مجلسك من الجَنَّة لو ثبتَّ، ثم يُفتح له باب إلى النار فيقال له: انظر إلى منزلك من النار إذ زغت، فذلك قوله تعالى: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ﴾ [إبراهيم: 27]"

6. *Dia menggunakan ungkapan "tubuh Allah" di dalam pengajarannya. Kenyataan ini adalah tidak layak bagi Allah S.W.T sekalipun beliau menafikan Tuhan adalah sama dengan makhlukNya. Ini kerana Allah S.W.T tidak berjisim. Perkara ini telah dijelaskan dalam kitab al-Luma', karangan Abu Hassan Al-Asya'ari (terjemahan):*
*"Masalah: sekiranya seseorang berkata atau bertanya, "Kenapakah kamu mengingkari (tidak menerima) bahawa Allah S.W.T itu adalah jisim?" Dikatakan (dijawab) baginya, "Kami mengingkarinya kerana orang yang berpendapat bahawa Allah S.W.T berjisim (pastinya menisbahkan Allah S.W.T) dengan panjang, lebar dan luas (ini sifat-sifat bagi jisim). Sedangkan (penisbahan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar: luas dan dalam adalah tidak harus (haram kerana menyerupai makhluk). Demikian juga berhimpun dan (bercerai kepada Allah S.W.T.), dan jika kehendaki (dengan soalannya tadi), kenapakah tidak kamu namakan dia (Allah S.W.T.) itu sebagai jisim walaupun tidaklah ia (Allah S.W.T.) itu panjang, lebar dan berhimpun? Maka (jawabnya) nama-nama itu hendaklah itu tidaklah boleh (disandarkan) kepada kita. Dan tidaklah harus kita namakan Allah S.W.T itu dengan satu nama yang Allah S.W.T sendiripun tidak menamakan zatNya dengan nama tersebut, dan tidak juga Rasulnya menamakan sebegitu , dan tidak juga umat Islam ijma' atasnya dan tidak juga atas pengertiannya..."*

7. *Dia menyatakan zat Allah S.W.T menyelinap masuk atau sebati atau meliputi dengan segala zat yang baharu (kena jadi) berdalilkan dari surah Al-Nisa' ayat 126 :*

وَلِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطًا ﴿١٢٦﴾

*Maksudnya : Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi dan Allah sentiasa meliputi (pengetahuannya dan kekuasaannya) akan tiap-tiap sesuatu.*



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

8. *Dia memperlekehkan ulama Usuluddin dan kitab-kitab mereka yang muktabar.*

9. *Menolak penggunaan kaedah hitungan Ilmu Falak dalam menentukan waktu solat dan puasa sebaliknya menggunakan kaedah melihat (rukyah) semata-mata.*

10. *Ajaran ini mengandungi penyelewengan dari sudut Aqidah dan Syariah serta perlu dihalang kerana ia membawa kekeliruan kepada masyarakat, berdasarkan kaedah sadd al-zara'i. Pendekatan yang dibawa juga bercanggah dengan pendekatan ulama yang menyatakan bahawa kaedah untuk mengenal Allah S.W.T mestilah mengikut tahap kemampuan akal manusia. Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam yang telah mempelajari dan mengamalkan ajaran Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) di mana-mana jua berada hendaklah meninggalkannya dengan segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.*

*Made 10 December 2015*
*[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3 (11); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]*

*By command*

*DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR*
*Chairman of the Fatwa Committee*
*State of Penang*

اينكمن فنتدبيرن اڬام اسلام
(نڬري ڤولاو فينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اڬام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) [اينكمن 2]، اتس ڤر كنن يڠ دڤرتوان اڬوڠ ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ, ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.



ڤمبطلن

2. فتوى مڠناءي "اجرن توق مت جڠڬوت" يڠ دسياركن دالم ڤمبريتاهوان ورتا نومبور 157. برتاريخ 8 جون 2000 دبطلكن منوروت كواس سوبسيكشن 50(1) اينقمن 2.

جدوال

اجرن توق مت جڠڬوت

مشوارت جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2015/2 تله ممبينچڠكن تنتڠ حكوم اجرن توق مت جڠڬوت منوروت ڤنداڠن شرع دان مموتوسكن سڤرتي يڠ برايكوت:

1. محمد بن عثمان (توق مت جڠڬوت) تله مڽلويڠ درڤد ڤندكتن بياسا يڠ دڬوناكن اوليه علماء دالم ڤڠاجين عقيدة اسلام باڬي مڠنل الله سبحان وتعالى ايايت دڠن مڠكهندقي سموا اورڠ مستي مڠنل الله سبحان وتعالى ملالوءي قاعده يڠ دباوا اوليهڽ. دي مڠهندقي ستياڤ اورڠ ڤرلو مڠنل حقيقة الله سبحان وتعالى سباڬايمان يڠ تركندوڠ دالم اوڠكاڤن "wa ma rabbu al-'Alamin" (وما رب العالمين) دان منولق قاعده مڠنل الله سبحان وتعالى منروسي ڤڠاجين صفة 20 .

2. دي تله مواجبكن ستياڤ اورڠ اڬر ممڤلاجري علمو كتوهانن منوروت ڤندكتن بلياو، سداڠكن مڠيكوت علماء اهل السنة والجماعة سڤرتي امام الغزالي، اورڠ عوام هاڽ دكهندقي منڤرچاياي كوجودن الله سبحان وتعالى برداسركن داليل-داليل يڠ موده دفهمي سهاج دان مريك هاڽ ڤاتوت منومڤوكن ڤرهاتين كڤد اسڤيك عمل عبادت تنڤا دبينكن دڠن كواجيڤن ممهمي ڤنداليلن عقل يڠ روميت دان سوكر دفهمي.

3. دي مڽاتاكن الله سبحان وتعالى دڠن مڠڬوناكن اوڠكاڤن "ma" (ما) سباڬاي ڬنتي نام كڤد الله سبحان وتعالى برڤندوكن ايات 23، سوره الشعراء: ( قال فرعون وما رب العالمين) ايايت الله سبحان وتعالى دصيفتكن سباڬاي "اڤ"، سداڠكن دي ساورڠ يڠ جاهيل تنتڠ اڬام دان تيدق ممهمي بهاس عرب.

4. دي مڠڬوناكن اوڠكاڤن "ma rabbuka" (ما ربك) ڤد ڤرسوالن ملائكة موڠكر دان نكير ددالم قبور دان بوكنڽ "man rabbuka" (مَن ربك) سداڠكن حديث-حديث بركاءيتن سؤالن قبور اداله مڠڬوناكن اوڠكاڤن "man rabbuka" (مَن ربك). اوڠكاڤن "ma rabbuka" (ما ربك) د دالم ايات 23، سوره الشعراء اداله مروڤاكن اوڠكاڤن ايات يڠ دڬوناكن اوليه فرعون ترهادڤ نبي موسى عليه السلام يڠ دنوكيلكن دالم القرءان .

5. اوغكاڤن "ma rabbuka" (ما ربك) سبنرڽ تياد دالم لفظ حديث يڠ صحيح كران اوغكاڤن يڠ بتول اياله "man rabbuka" (مَن ربك) دان د انتارا حديث نبي ﷺ يڠ دمقصودكن اياله ;

(a) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - ﷺ - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: (فيأتيه ملكان شديدًا الانتهار، فيَنتهرانه ويُجلسانه، فيقولان له: مَن ربك؟ ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ) [إبراهيم: 27]، فيقول: ربي الله، وديني الإسلام، ونبيِّي محمد - صلى الله عليه وسلم - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))
(السلسلةالصحيحة:1391/3)

(b) عن أبي قتادة - رضي الله عنه - في قوله تعالى: ﴿ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ﴾ [إبراهيم: 27]، قال: "إن المؤمن إذا مات أُجْلس في قبره، فيقال له: مَن ربُّك؟ فيقول: الله - عز وجل، فيقال له: مَن نبيك؟ فيقول: محمد بن عبدالله - ﷺ - فيقال له ذلك مرات، ثم يُفتح له باب إلى النار، فيقال له: انظر إلى منزلك من النار لو زغت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى منزلك من الجَنَّة إذ ثبتَّ، وإذا مات الكافر أُجْلس في قبره، فيقال له: من ربك؟ ومن نبيك؟ فيقول: لا أدري، كنت أسمع الناس يقولون، فيقال له: لا دريت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى مجلسك من الجَنَّة لو ثبتَّ، ثم يُفتح له باب إلى النار فيقال له: انظر إلى منزلك من النار إذ زغت، فذلك قوله تعالى: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]"

6. دي مڠڬوناكن اوغكاڤن "توبوه الله" د دالم ڤڠاجرنڽ. كڤاتأن اين اداله تيدق لايق باڬي الله سبحان وتعالى، سكاليڤون بلياو منافيكن توهن اداله سام دڠن مخلوقڽ. اين كران الله سبحان وتعالى تيدق برجسم. ڤركارا اين تله دجلسكن دالم كتاب اللمع، كارڠن ابو الحسن الاشعرى (ترجمهن)؛:

"مسئله: سكيراڽ سساورڠ بركات اتاو برتاڽ، "كناڤكه كامو مڠيڠكاري (تيدق منريما) بهاوا الله سبحان وتعالى ايت اداله جسم؟". دكاتاكن (دجواب) باڬيڽ، "كامي مڠيڠكاريڽ كران اورڠ يڠ برڤنداڤت بهاوا الله سبحان وتعالى برجسم (ڤستيڽ منيسبهكن الله سبحان وتعالى دڠن ڤنجڠ، ليبر دان لواس (اين صفة-صفة باڬي جسم). سداڠكن (ڤنيسباهن الله سبحان وتعالى) دڠن ڤنجڠ، ليبر، لواس دان دالم اداله تيدق هاروس (حرام كران مڤروڤاي مخلوق). دمكين جوڬ برهيمڤون دان (برچراي) يڠ بياساڽ دسبوت سباڬاي چيري-چيري جسم تيدق هاروس (دينيسبهكن كڤد الله سبحان وتعالى)، دان جك دي كهندقي (دڠن سؤالنڽ تادي)، كناڤكه تيدق كامو ناماكن دي (الله سبحان وتعالى) ايت سباڬاي جسم والاوڤون تيدقله اي (الله سبحان وتعالى) ايت ڤنجڠ، ليبر دان برهيمڤون؟ مك (جوابڽ)، نام-نام ايت تيدقله بوليه (دسانداركن) كڤد كيت, دان تيدقله هاروس كيت ناماكن الله سبحان وتعالى ايت دڠن ساتو نام يڠ الله سبحان وتعالى سنديريڤون تيدق مناماكن ذاتڽ دڠن نام ترسبوت، دان تيدق جوڬ رسولڽ مناماكن سبڬيتو، دان تيدق جوڬ اومت اسلام إجمع اتسڽ دان تيدق جوڬ اتس ڤڠرتينڽ"...

7. دي مڽاتاكن ذات الله سبحان وتعالى مڤليڽاڤ ماسوق اتاو سباتي اتاو مليڤوتي دڠن سڬالا ذات يڠ بهارو (كنا جادي) برداليلكن دري سورة النساء ايات 126:

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُحِيطًا

مقصودڽ: دان باڬي الله جواله سڬالا يڠ اد د لاڠيت دان سڬالا يڠ اد د بومي دان الله سنتياس مليڤوتي (ڤڠتاهوانڽ دان ككواسنڽ) اكن تياڤ-تياڤ سسواتو.

8. دي ممڤرليكيهكن علماء أصول الدين دان كتاب-كتاب مريك يڠ معتبر.

9. منولق ڤڠڬوناءن قاعده هيتوڠن علمو فلك دالم منتوكن وقتو صلاة دان ڤواسا سباليقڽ مڠڬوناكن قاعده مليهت (روءيه) سمات-مات.

10. اجرن اين مڠاندوڠي ڤڽليويڠن دري سودوت عقيدة دان شريعة سرتا ڤرلو دهالڠ كران اي ممباوا ككليروان كڤد مشاركت، برداسركن قاعده سد الزرائع. ڤندكتن يڠ دباوا جوڬ برچڠڬه دڠن ڤندكتن علماء يڠ مڽاتاكن بهاوا قاعده اونتوق مڠنل الله سبحان وتعالى مستيله مڠيكوت تاهڤ كممڤوان عقل مأنسي. اوليه يڠ دمكين، مان-مان اورڠ اسلام يڠ تله ممڤلاجري دان مڠمالكن اجرن محمد بن عثمان (توق مت جڠكوت) د مان-مان جوا برادا هندقله منيڠڬلكنڽ دان سڬرا برتوبة سرتا مموهون كامڤونن درڤد الله سبحان وتعالى.

دبوات 10 Disember 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3(11); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دڠن تيته ڤرينته

داتوء دكتور وان سالم بن وان محمد نور
ڤڠروسي جاوتنكواس فتوى
نڬري ڤولاو ڤينڠ

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

# FATWA ISU TARIKAT NAQSYABANDIAH AL-ALIYYAH SYEIKH NAZIM AL-HAQQANI



NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 60** | **13hb Oktober 2016** | **No. 21**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No.715**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA ISU TARIKAT NAQSYABANDIAH AL-ALIYYAH SYEIKH NAZIM AL-HAQQANI**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang Isu Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

(1) Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim Al-Haqqani bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam serta boleh membuka ruang kesesatan di dalam pemikiran umat Islam.

(2) Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat.

Dibuat 6 Mei 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt.3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*
*Negeri Pulau Pinang*

*FATWA* UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA ISU TARIKAT NAQSYABANDIAH AL-ALIYYAH*
*SYEIKH NAZIM AL-HAQQANI*

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang Isu Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

*(1) Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim Al-Haqqani bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam serta boleh membuka ruang kesesatan di dalam pemikiran umat Islam.*

*(2) Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat.*

Made 6 May 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt.3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Chairman of the Fatwa Committee*
*State of Penang*



اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام
(نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004 [*اينكمن 2*]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى ايسو طريقت نقشبندية العالية شيخ ناظم الحقّاني

مشوارت جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2015/2 تله ممبينچڠكن تنتڠ ايسو طريقت نقشابندية العالية شيخ ناظم الحقّاني منوروت ڤنداڠن شرع دان مموتوسكن سڤرتي يڠ برايكوت:

(1) طريقت نقشبندية العالية دباوه ڤيمڤينن شيخ ناظم الحقّاني برتنتڠن دڠن فهمن عقيدة أهل السنة والجماعة دان مڽليويڠ دري أجرن إسلام سرتا بوليه ممبوک رواڠ كسستن د دالم ڤميكيرن اومت اسلام.

(2) ڤڠعمل أجرن اين هندقله سڬرا برتوبة.

دبوات 6 مي 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.3]

دڠن تيته ڤرينته

داتوء دوكتور وان سليم بن وان محمد نور
*ڤڠروسي جاوتنكواس فتوى*
*نڬري ڤولاو ڤينڠ*

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# FATWA AJARAN ILMU SYAHADAH, ZIKIR NAFAS DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEDUDUKANNYA OLEH ISMAIL BIN KASSIM (PERAHMAT)

NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 62** **1hb Februari 2018** **No. 3**

**No. 127.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**AJARAN ILMU SYAHADAH, ZIKIR NAFAS DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEDUDUKANNY A OLEH ISMAIL BIN KASSIM (PERAHMAT)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas Dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan memutuskan seperti yang berikut :

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas Dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) mengandungi perkara-perkara berikut :

(a) Terbatal Kesemua Rukun Islam Sekiranya Tidak Mempelajari Ilmu Syahadah Yang Dibawa Oleh Ismail bin Kassim (IBK)
Rukun Islam yang pertama, iaitu mengucap dua Kalimah Syahadah bagi seseorang itu terbatal sekiranya dia tidak mempelajari Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian) yang dibawa oleh Ismail bin Kassim. Ilmu Syahadah yang dimaksudkan ialah ilmu penyaksian qalbu terhadap roh yang sedang bersyahadah.

(b) Tuntutan Mencari Penyaksi Syahadah
Seseorang itu hendaklah berusaha mencari penyaksinya yang akan dibawa sebagai saksi pada hari akhirat kelak. Penyaksi tersebut akan diperoleh apabila dia menerima dan mengamalkan Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas.

(c) Ismail bin Kassim Penyaksi Syahadah
Ismail bin Kassim akan menjadi penyaksi syahadah seseorang di dunia dan akhir setelah orang itu mempelajari dan menerima Ilmu Syahadah yang diajar oleh beliau. Orang yang tidak menerima ilmu ini daripada beliau, dia tidak akan memperoleh penyaksi syahadahnya dan syahadahnya tidak diterima Allah.

(d) Wajib Mempelajari Zikir Nafas Kerana Tiada Cara Lain Untuk Mencari Allah Kecuali Melaluinya
Seseorang itu wajib mempelajari Zikir Nafas, kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melaluinya. Mencari Allah S.W.T melibatkan peranan yang dimainkan oleh qalbu. Anggota pancaindera manusia yang lain, seperti mata dan telinga peranannya terhad kepada alam zahir sahaja, berbeza dengan qalbu yang mempunyai peranan ghaib. Hanya dengan amalan Zikir Nafas boleh membuka hati qalbu. Oleh yang demikian, apabila mata hati qalbu seseorang telah terbuka, maka dia akan dapat melihat penyaksian roh, dan perkara-perkara ghaib yang lain dengan berterusan secara autopilot.

(e) Mengambil Zikir Nafas Secara Bai'ah
Untuk mengambil ilmu Zikir Nafas hendaklah secara bai'ah melalui guru yang berketurunan Ahli Bait sahaja, iaitu Ismail bin Kassim.

(f) Mengisi Nafas dengan Zikir لا إله إلا الله
Zikir Nafas ialah seseorang itu perlu mengisi nafasnya dengan zikir لا إله إلا الله. Zikir ini hendaklah dilakukan secara berterusan selama 24 jam tanpa henti. Kaedah untuk mendapatkan zikir tanpa henti, iaitu melalui pengisian zikir dalam pernafasan. Apabila kalimah zikir telah diisi dalam pernafasan, setiap kali manusia bernafas, nafasnya akan berzikir mengingati Allah S.W.T (لا إله إلا الله). Perkiraan yang dibuat terhadap bilangan zikir yang akan terhasil daripada pernafasan tersebut adalah sebanyak 2,592 (108 x 24) zikir sehari.



(g) Amalan Zikir Nafas Telah Wujud Sejak Dari Zaman Nabi Adam A.S.
Amalan Zikir Nafas telah wujud sejak dari zaman Nabi Adam A.S dan baginda adalah orang pertama yang mengamalkannya. Allah S.W.T telah meniupkan roh-Nya ke dalam jasad Nabi Adam A.S dan seterusnya bernafas, dan nafas pertama yang naik dan turun daripada Adam A.S adalah berbentuk Zikir Nafas.

(h) Zikir Nafas Adalah Amalan 124,000 Para Rasul Dan Para Wali Allah.
Para Rasul A.S diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk berkhalwat di dalam gua, apabila berada di dalam gua akan didengar secara jelas bunyi perkataan Zikir Nafas, iaitu 'hu', 'hu', 'hu',

(i) Amalan Zikir Nafas Adalah Sahih dan Sabit Melalui al-Quran dan al-Hadith.
Sesiapa yang mengingkarinya dianggap telah menaruh syak terhadap al-Quran dan al-Hadith.

(j) Semua Makhluk Hidup Dengan Kalimah 'Hu'.
Semua makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T dapat terus hidup dengan kalimah'hu'. 'Hu' juga merupakan bunyi nafas yang sedia ada, bunyi oksigen, segala bunyian, peredaran bintang, planet, bulan dan matahari.

(k) Hari Kiamat Akan Berlaku Apabila Tiada Lagi Makhluk Yang Nafasnya Berzikir Dengan Kalimah Allah
Semua makhluk termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia akan mati dan diikuti dengan berlakunya hari kiamat apabila tiada lagi makhluk yang nafasnya berzikir dengan kalimah Allah

(l) Kelebihan Luar Biasa Apabila Mengamalkan Zikir Nafas.
i. Menyambung talian dengan Allah S.W.T

ii. Menyambung talian dengan Nabi Muhammad S.A.W

iii. Menyambung talian emas dengan guru-guru yang sampai sanadnya kepada Nabi Muhammad S.A.W

iv. Nafas terkawal daripada segala gangguan syaitan, iblis, ifrit dan jin;

v. Dianggap berada di landasan *sirat al-mustaqeem*;

vi. Nafas sentiasa rasa dikawal;

vii. Nafas berjalan dengan kelajuan yang begitu normal walaupun mendengar berita buruk dan menakutkan;

viii Hidup dan mati menjadi kesedaran diri walaupun berada di mana jua;


AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

ix. Apabila lalai dan alpa, nafas akan datang menyedarkan diri kepada Allah;

x. Akan mendapat *husnu al-khatimah*.

(m) Mengamalkan Kepercayaan *Wahdat al-Wujud* dan *Tajsim*
Ismail bin Kassim pernah mengungkapkan kata-kata yang jelas membawa kepada makna *Wahdat al Wujud*, iaitu “Aku berkata-kata dengan lidah ni, ini lidah Allah, ini lidah Allah, kafir kamu pergi, kalau kamu menolak, pergi, ini lidah Allah, ini perkataan Allah, di mana kau, kafir terus...”

(n) Mentakwil Ayat-ayat al-Quran Secara Batil
Mentakwil ayat-ayat al-Quran secara batil, antaranya seperti yang berikut : Pada ayat dalam surah *al-Fatihah* : اهدنا الصراط المستقيم Allah S.W.T akan menjawab صراط الذين انعمت عليهم iaitu : الصالحين الشهداء والصديقين Tafsiran bagi ketiga-ketiga perkataan tersebut adalah seperti berikut :

(i) الصالحين : Mempunyai Zikir Nafas dan kenal Allah dengan aqal;

(ii) الشهداء : Mempunyai Zikir Nafas dan syahadah dengan qalbu

iii. الصديقين : Mempunyai Zikir Nafas dan rohnya bersyahadah

(o) Kaedah Penafsiran al-Quran (Usul Tafsir) Yang Menyeleweng
Ayat-ayat al-Quran tidak boleh difahami semata-mata dengan membaca terjemahan, kitab- kitab tafsir, mahupun *asbab al-nuzul*, bahkan hanya boleh difahami dengan Ilmu al-Quran (Ilmu Takwil, Ilmu al-Furqan, Ilmu Ma’na, Ilmu Maqsud, Ilmu Hikmah, Ilmu Makrifat, Ilmu Hakikat, Ilmu Asrar, Ilmu Ghaib dan Ilmu Yaqin).

(p) Berpegang Kepada Hadith Palsu
Antaranya:-
(i) “Sesiapa yang menyakiti seorang *tolibul-ilmi* seperti menyakiti 124,000 Nabi, sesiapa yang menyakiti 124,000 nabi seperti menyakiti Rasulullah SAW, sesiapa yang menyakiti Rasulullah S.A.W, seperti menyakiti Allah, dan sesiapa yang menyakiti Allah, neraka tempatnya”.

(ii) “Barang siapa yang mencariku, pasti menjumpai-Nya, yang menjumpai-Nya, maka dia telah menjumpai segala-galanya, Nabi Muhammad S.A.W bertanya bagaimana ingin mencari Allah, dan Allah pun menjawab: ‘Syahadah’ .

(iii) “Barang siapa yang datang berjumpa dengan Aku dalam pada mana dia mengenal Aku, setiap kebajikan Aku beri dia sedunia bilangan makhluk yang pernah Aku cipta dan akan Aku cipta”.



(q) *Gluluw* (Melampau) Dalam Menghormati Guru
Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh seperti berikut:-

(i) Sesiapa yang hendak bersalaman dengan guru, wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;

(ii) Setiap murid berkeadaan yakin bahawa guru dapat mengesan ketaatan murid, atas izin Allah SWT;

(iii) Setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanahnya

(iv) Setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;

(v) Setiap murid jangan meragui atau membantah di hadapan guru atau di belakangnya kerana guru hanya mengajar ilmu kalimah “*la ila ha illallah*”;

(vi) Setiap murid jangan sekali-kali melanggar panduan di atas, kelak akan terjerumus ke dalam kecelakaan dan kebinasaan.

2. Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan pandangan hukum bahawa Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya yang diajar oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan seumpamanya adalah menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah;

3. Justeru, orang Islam hendaklah menjauhi ajaran ini dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah SWT;

4. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT), atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.

5. Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH
AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT). Dan semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada golongan ini daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran ini di negeri Pulau Pinang.

6. Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Pulau Pinang.

Bertarikh 14 Disember 2017
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (1); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang*



ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*AJARAN ILMU SYAHADAH, ZIKIR NAFAS DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEDUDUKANNYA OLEH ISMAIL BIN KASSIM (PERAHMAT)*

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas Dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan memutuskan seperti yang berikut :*

*1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas Dan Lain-lain Yang Berkaitan Dengan Kedudukannya Oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) mengandungi perkara-perkara berikut :*

*(a) Terbatal Kesemua Rukun Islam Sekiranya Tidak Mempelajari Ilmu Syahadah Yang Dibawa Oleh Ismail bin Kassim (IBK)*
*Rukun Islam yang pertama, iaitu mengucap dua Kalimah Syahadah bagi seseorang itu terbatal sekiranya dia tidak mempelajari Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian) yang dibawa oleh Ismail bin Kassim. Ilmu Syahadah yang dimaksudkan ialah ilmu penyaksian qalbu terhadap roh yang sedang bersyahadah.*

*(b) Tuntutan Mencari Penyaksi Syahadah*
*Seseorang itu hendaklah berusaha mencari penyaksinya yang akan dibawa sebagai saksi pada hari akhirat kelak. Penyaksi tersebut akan diperoleh apabila dia menerima dan mengamalkan Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas.*

*(c) Ismail bin Kassim Penyaksi Syahadah*
*Ismail bin Kassim akan menjadi penyaksi syahadah seseorang di dunia dan akhir setelah orang itu mempelajari dan menerima Ilmu Syahadah yang diajar oleh beliau. Orang yang tidak menerima ilmu ini daripada beliau, dia tidak akan memperoleh penyaksi syahadahnya dan syahadahnya tidak diterima Allah.*

(d) *Wajib Mempelajari Zikir Nafas Kerana Tiada Cara Lain Untuk Mencari Allah Kecuali Melaluinya*
*Seseorang itu wajib mempelajari Zikir Nafas, kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melaluinya. Mencari Allah S.W.T melibatkan peranan yang dimainkan oleh qalbu. Anggota pancaindera manusia yang lain, seperti mata dan telinga peranannya terhad kepada alam zahir sahaja, berbeza dengan qalbu yang mempunyai peranan ghaib. Hanya dengan amalan Zikir Nafas boleh membuka hati qalbu. Oleh yang demikian, apabila mata hati qalbu seseorang telah terbuka, maka dia akan dapat melihat penyaksian roh, dan perkara-perkara ghaib yang lain dengan berterusan secara autopilot.*

(e) *Mengambil Zikir Nafas Secara Bai'ah*
*Untuk mengambil ilmu Zikir Nafas hendaklah secara bai'ah melalui guru yang berketurunan Ahli Bait sahaja, iaitu Ismail bin Kassim.*

(f) *Mengisi Nafas dengan Zikir* لا إله إلا الله
*Zikir Nafas ialah seseorang itu perlu mengisi nafasnya dengan zikir* لا إله إلا الله *Zikir ini hendaklah dilakukan secara berterusan selama 24 jam tanpa henti. Kaedah untuk mendapatkan zikir tanpa henti, iaitu melalui pengisian zikir dalam pernafasan. Apabila kalimah zikir telah diisi dalam pernafasan, setiap kali manusia bernafas, nafasnya akan berzikir mengingati Allah S.W.T (*لا إله إلا الله*). Perkiraan yang dibuat terhadap bilangan zikir yang akan terhasil daripada pernafasan tersebut adalah sebanyak 2,592 (108 x 24) zikir sehari.*

(g) *Amalan Zikir Nafas Telah Wujud Sejak Dari Zaman Nabi Adam A.S.*
*Amalan Zikir Nafas telah wujud sejak dari zaman Nabi Adam A.S dan baginda adalah orang pertama yang mengamalkannya. Allah S.W.T telah meniupkan roh-Nya ke dalam jasad Nabi Adam A.S dan seterusnya bernafas, dan nafas pertama yang naik dan turun daripada Adam A.S adalah berbentuk Zikir Nafas.*

(h) *Zikir Nafas Adalah Amalan 124,000 Para Rasul Dan Para Wali Allah.*
*Para Rasul A.S diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk berkhalwat di dalam gua, apabila berada di dalam gua akan didengar secara jelas bunyi perkataan Zikir Nafas, iaitu 'hu', 'hu', 'hu',*

(i) *Amalan Zikir Nafas Adalah Sahih dan Sabit Melalui al-Quran dan al-Hadith.*
*Sesiapa yang mengingkarinya dianggap telah menaruh syak terhadap al-Quran dan al-Hadith.*

(j) *Semua Makhluk Hidup Dengan Kalimah 'Hu'.*
*Semua makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T dapat terus hidup dengan kalimah'hu'. 'Hu' juga merupakan bunyi nafas yang sedia ada, bunyi oksigen, segala bunyian, peredaran bintang, planet, bulan dan matahari.*



(k) *Hari Kiamat Akan Berlaku Apabila Tiada Lagi Makhluk Yang Nafasnya Berzikir Dengan Kalimah Allah*
*Semua makhluk termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia akan mati dan diikuti dengan berlakunya hari kiamat apabila tiada lagi makhluk yang nafasnya berzikir dengan kalimah Allah*

(l) *Kelebihan Luar Biasa Apabila Mengamalkan Zikir Nafas.*
(i) *Menyambung talian dengan Allah S.W.T*

(ii) *Menyambung talian dengan Nabi Muhammad S.A.W*

(iii) *Menyambung talian emas dengan guru-guru yang sampai sanadnya kepada Nabi Muhammad S.A.W.*

(iv) *Nafas terkawal daripada segala gangguan syaitan, iblis, ifrit dan jin;*

(v.) *Dianggap berada di landasan sirat al-mustaqeem;*

(vi) *Nafas sentiasa rasa dikawal;*

(vii) *Nafas berjalan dengan kelajuan yang begitu normal walaupun mendengar berita buruk dan menakutkan;*

(viii) *Hidup dan mati menjadi kesedaran diri walaupun berada di mana jua;*

(ix) *Apabila lalai dan alpa, nafas akan datang menyedarkan diri kepada Allah;*

(x) *Akan mendapat husnu al-khatimah.*

(m) *Mengamalkan Kepercayaan Wahdat al-Wujud dan Tajsim*
*Ismail bin Kassim pernah mengungkapkan kata-kata yang jelas membawa kepada makna Wahdat al Wujud, iaitu "Aku berkata-kata dengan lidah ni, ini lidah Allah, ini lidah Allah, kafir kamu pergi, kalau kamu menolak, pergi, ini lidah Allah, ini perkataan Allah, di mana kau, kafir terus..."*

(n) *Mentakwil Ayat-ayat al-Quran Secara Batil*
*Mentakwil ayat-ayat al-Quran secara batil, antaranya seperti yang berikut : Pada ayat dalam surah al-Fatihah :* اهدنا الصراط المستقيم *Allah S.W.T akan menjawab* صراط الذين انعمت عليهم *iaitu :* الصالحين الشهداء والصديقين *Tafsiran bagi ketiga-ketiga perkataan tersebut adalah seperti berikut :*

(i) الصالحين *: Mempunyai Zikir Nafas dan kenal Allah dengan aqal;*

(ii) الشهداء *: Mempunyai Zikir Nafas dan syahadah dengan qalbu*

(iii) الصديقين *: Mempunyai Zikir Nafas dan rohnya bersyahadah*

(o) *Kaedah Penafsiran al-Quran (Usul Tafsir) Yang Menyeleweng*
*Ayat-ayat al-Quran tidak boleh difahami semata-mata dengan membaca terjemahan, kitab- kitab tafsir, mahupun asbab al-nuzul, bahkan hanya boleh difahami dengan Ilmu al-Quran (Ilmu Takwil, Ilmu al-Furqan, Ilmu Ma'na, Ilmu Maqsud, Ilmu Hikmah, Ilmu Makrifat, Ilmu Hakikat, Ilmu Asrar, Ilmu Ghaib dan Ilmu Yaqin).*

(p) *Berpegang Kepada Hadith Palsu*
*Antaranya:-*

(i. *"Sesiapa yang menyakiti seorang tolibul-ilmi seperti menyakiti 124,000 Nabi, sesiapa yang menyakiti 124,000 nabi seperti menyakiti Rasulullah SAW, sesiapa yang menyakiti Rasulullah S.A.W, seperti menyakiti Allah, dan sesiapa yang menyakiti Allah, neraka tempatnya".*

(ii. *"Barang siapa yang mencariku, pasti menjumpai-Nya, yang menjumpai-Nya, maka dia telah menjumpai segala-galanya, Nabi Muhammad S.A.W bertanya bagaimana ingin mencari Allah, dan Allah pun menjawab: 'Syahadah".*

(iii. *"Barang siapa yang datang berjumpa dengan Aku dalam pada mana dia mengenal Aku, setiap kebajikan Aku beri dia sedunia bilangan makhluk yang pernah Aku cipta dan akan Aku cipta".*

(q) *Gluluw (Melampau) Dalam Menghormati Guru*
*Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh seperti berikut:-*

(i) *Sesiapa yang hendak bersalaman dengan guru, wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;*

(ii) *Setiap murid berkeadaan yakin bahawa guru dapat mengesan ketaatan murid, atas izin Allah SWT;*

(iii) *Setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanahnya*

(iv) *Setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;*

(v) *Setiap murid jangan meragui atau membantah di hadapan guru atau di belakangnya kerana guru hanya mengajar ilmu kalimah "la ila ha illallah";*

(vi) *Setiap murid jangan sekali-kali melanggar panduan di atas, kelak akan terjerumus ke dalam kecelakaan dan kebinasaan.*



2. *Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan pandangan hukum bahawa Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya yang diajar oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan seumpamanya adalah menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah;*

3. *Justeru, orang Islam hendaklah menjauhi ajaran ini dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah SWT;*

4. *Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT), atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.*

5. *Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT). Dan semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada golongan ini daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran ini di negeri Pulau Pinang.*

6. *Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Pulau Pinang.*

Made 14 Disember 2017
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (1); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Chairman of the Fatwa Committee State of Penang*



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام
(نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نݢري ڤولاو ڤينڠ) [*اينكمن 2*]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

جدوال

**اجرن علمو شهادة، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ اوليه إسماعيل بن قاسم (ڤرحمة)**

مشوارت جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2017/1 تله ممبينچڠكن مڠناءي اجرن علمو شهادة، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ اوليه إسماعيل بن قاسم (ڤرحمة) دان مموتوسكن سڤرتي برايكوت:

1. ستله منليتي فكتا٢، هوجه-هوجه دان ڤنداڠن يڠ دكموكاكن، مشوارت منداڤتي بهاوا اجرن علمو شهادة، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ اوليه اسماعيل بن قاسم دري ڤرتوبوهن رحمة للعالمين (ڤرحمة) مڠندوڠي ڤركارا٢ يڠ بريكوت:

(a) **تربطل كسموا روكون اسلام سكيراڽ تيدق ممڤلاجري علمو شهادة يڠ دباوا اوليه اسماعيل بن قاسم (IBK)**

روكون اسلام يڠ ڤرتام، ياءيت مڠوچڤ دوا كليمة شهادة باݢي سسأورڠ ايت تربطل سكيراڽ دي تيدق ممڤلاجري علمو شهادة (علمو ڤيڤقسين) يڠ دباوا اوليه اسماعيل بن قاسم. علمو شهادة يڠ دمقصودكن اياله علمو ڤيڤقسين قلبو ترهادڤ روح يڠ سدڠ برشهادة.

(b) **تونتوتن منچاري ڤيڤقسي شهادة**

سسأورڠ ايت هندقله براوسها منچاري ڤيڤقسيڽ يڠ اكن دباوا سبݢاي سقسي ڤد هاري اخيرة كلق. ڤيڤقسي ترسبوت اكن دڤراوليه اڤابيلا دي منريما دان مڠعملكن علمو شهادة دان ذيكير نفس.

(c) **اسماعيل بن قاسم ڤيڤقسي شهادة**

اسماعيل بن قاسم اكن منجادي ڤيڤقسي شهادة سسأورڠ ددنيا دان داخيرة ستله اورڠ ايت ممڤلاجري دان منريما علمو شهادة يڠ دأجر اوليه بلياو. اورڠ يڠ تيدق منريما علمو اين درڤد بلياو، دي تيدق اكن ممڤراوليه ڤيڤقسي شهادهڽ دان شهادهڽ تيدق دتريما الله.



(d) **واجب ممڤلاجري ذيكير نفس كران تياد چارا لاءين اونتوق منچاري الله كچوالي ملالوءيڽ**

سسأورڠ ايت واجب ممڤلاجري ذيكير نفس كران تياد چارا لاءين اونتوق منچاري الله كچوالي ملالوءيڽ. منچاري الله سبحانه وتعالى مليبتكن ڤرانن يڠ دمائينكن اوليه قلبو. اڠݢوتا ڤنچاءيندرا مأنسي يڠ لاءين، سڤرتي مات دان تليڠا ڤراننڽ ترحد كڤد عالم ظاهير سهاج، بربيذا دڠن قلبو يڠ ممڤوڽاءي ڤرانن غائيب. هاڽ دڠن عملن ذيكير نفس بوليه ممبوك مات هاتي قلبو. اوليه يڠ دمكيان، اڤبيلا مات هاتي قلبو سسأورڠ تله تربوك، مك دي اكن داڤت مليهت ڤيڤقسين روح، دان ڤركارا٢ غائيب يڠ لاءين دڠن برتروسن سچارا اوتو ڤيلوت.

(e) **مڠمبيل ذيكير نفس سچارا بيعة**

اونتوق مڠمبيل علمو ذيكير نفس هندقله سچارا بيعة ملالوءي ݢورو يڠ بركتورونن أهل البيت سهاج، ياءيت اسماعيل بن قاسم.

(f) **مڠيسي نفس دڠن ذيكير لا إله إلا الله**

ذيكير نفس اياله سسأورڠ ايت ڤرلو مڠيسي نفسڽ دڠن ذيكير لا إله إلا الله. ذيكير اين هندقله دلاكوكن سچارا برتروسن سلاما 24 جم تنڤا هنتي. قاعده اونتوق منداڤتكن ذيكير تنڤا هنتي، ياءيت ملالوني ڤڠيسين ذيكير دالم ڤرنفسن. اڤبيلا كليمة ذيكير تله دأيسي دالم ڤرنفسن، ستياڤ كالي مأنسي برنفس، نفسڽ اكن برذيكير مڠيڠتي الله سبحانه وتعالى (لا إله إلا الله). ڤركيراءن يڠ دبوات ترهادڤ بيلاڠن ذيكير يڠ ترحاصيل درڤد ڤرنفسن ترسبوت اداله سباڽق 2,592 (108×24) ذيكير سهاري.

(g) **عملن ذيكير نفس تله وجود سجق دري زمان نبي أدم عليه السلام**

عملن ذيكير نفس تله وجود سجق دري زمان نبي أدم عليه السلام دان بݢيندا اداله اورڠ ڤرتام يڠ مڠعملكنڽ. الله سبحانه وتعالى تله منيوڤكن روحڽ كدالم جسد نبي أدم عليه السلام دان ستروسڽ برنفس، دان نفس ڤرتام يڠ ناءيق دان تورون درڤد أدم عليه السلام اداله بربنتوق ذيكير نفس.

(h) **ذيكير نفس اداله عملن 124,000 ڤارا رسول دان ڤارا والي الله**

ڤارا رسول عليهم الصلاة والسلام دڤرينتهكن اوليه الله سبحانه وتعالى اونتوق برخلوة ددالم ݢوا، اڤبيلا برادا ددالم ݢوا اكن ددڠر سچارا جلس بوڽي ڤركاتاءن ذيكير نفس، ياءيت 'هو'،'هو'،'هو'.

(i) **عملن ذيكير نفس اداله صحيح دان ثابت ملالوءي القراءن دان الحديث**

سسياڤا يڠ مڠيڠكريڽ دأڠݢڤ تله مناروه شك ترهادڤ القراءن دان الحديث.

**(j) سموا مخلوق هيدوڤ دڠن كليمة'هو'**

سموا مخلوق يڠ دچڤتاكن اوليه الله سبحانه وتعالى داڤت تروس هيدوڤ دڠن كليمة 'هو'. هو جوݢ مروڤاكن بوڤي نفس يڠ سديا ادا، بوڤي اوكسيݢن، سݢالا بوبيان، ڤرايدرن بينتڠ، ڤلانيت، بولن دان متاهاري.

**(k) هاري قيامة اكن برلاكو اڤبيلا تياد لاݢي مخلوق يڠ نفسڽ برذيكير دڠن كليمة الله**

سموا مخلوق ترماسوق حيوان، تومبوه-تومبوهن دان مأنسي اكن ماتي دان دأيكوتي دڠن برلاكوڽ هاري قيامة اڤبيلا تياد مخلوق يڠ نفسڽ برذيكير دڠن كليمة الله.

**(l) كلبيهن لوار بياسا اڤبيلا مڠملكن ذيكير نفس**

i. مڽامبوڠ تالين دڠن الله سبحانه وتعالى؛

ii. مڽامبوڠ تالين دڠن نبي محمد ﷺ؛

iii. مڽامبوڠ تالين امس دڠن ݢورو٢ يڠ سمڤاي سندڽ كڤد نبي محمد ﷺ؛

iv. نفس تركاول درڤد سݢالا ݢڠݢوان شيطان، ابليس، عفريت دان جين؛

v. دأڠݢڤ برادا دلندسن صرا ط المستقيم؛

vi. نفس سنتياس راس دكاول؛

vii. نفس برجالن دڠن كلاجوان يڠ بݢيتو نورمل ولوڤون مندڠر بريتا بوروق دان مناكوتكن؛

viii. هيدوڤ دان ماتي منجادي كسدرن ديري ولوڤون برادا دمان جوا؛

ix. اڤبيلا لالاي دان الڤا، نفس اكن داتڠ مڽدركن ديري كڤد الله؛

x. اكن منداڤت حسن الخاتمة.

**(m) مڠملكن كڤرچاياءن وحدة الوجود دان تجسيم**

اسماعيل بن قاسم ڤرنه مڠوڠكڤكن كات٢ يڠ جلس ممباوا كڤد معنى وحدة الوجود، ياءيت "اكو بركاتا-كات دڠن ليده اين، اين ليده الله، كافير كامو ڤرݢي، كالاو كامو منولق، ڤرݢي، اين ڤركاتاءن الله، دمان كاو، كافير تروس..."

**(n) منتأويلكن ايات٢ القراءن سچارا باطيل**

منتأويلكن اية-اية القراءن سچارا باطيل، انتاراڽ سڤرتي يڠ بريكوت: ڤد ايات دالم سورة الفاتحة: *اهدنا الصراط المستقيم*، الله سبحانه وتعالى اكن منجواب: *صراط الذين أنعمت عليهم* ياءيت الصالحين، الشهداء والصديقين. تفسيرن باݢي كتيݢا-تيݢ ڤركاتاءن ترسبوت اداله سڤرتي يڠ بريكوت:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | الصالحين | : | ممڤوڽاءي ذيكير نفس دان كنل الله دڠن عقل؛ |
| ii. | الشهداء | : | ممڤوڽاءي ذيكير نفس دان شهادة دڠن قلبو؛ |
| iii. | والصديقين | : | ممڤوڽاءي ذيكير نفس دان روحڽ برشهادة. |





**(o) قاعده ڤنفسيرن القراءن (اصول تفسير) يڠ مڽيليويڠ**

ايات٢ القراءن تيدق بوليه دفهمي سماتا-مات دڠن ممباچ ترجمهن، كتاب٢ تفسير، ماهوڤون اسباب النزول، بهكن هاڽ بوليه دفهمي دڠن علمو القراءن (علمو تأويل، علمو الفرقان، علمو المعنى، علمو مقصود، علمو حكمة، علمو معرفة، علمو حقيقة، علمو اسرار، علمو غاءيب دان علمو يقين).

**(p) برڤݢڠ كڤد حديث ڤلسو**

انتاراڽ:-

i. "سسياڤ يڠ مڽاكيتي سأورڠ *طالب العلم* سڤرتي مڽاكيتي 124,000 نبي، سسياڤ يڠ مڽاكيتي 124,000 نبي سڤرتي مڽاكيتي رسول الله ﷺ، سسياڤ يڠ مڽاكيتي رسول الله ﷺ سڤرتي مڽاكيتي الله، دان سسياڤ يڠ مڽاكيتي الله، نراک تمڤتڽ".

ii. "بارڠ سياڤا يڠ منچاريکو، ڤستي منجومڤاءيڽ، يڠ منجومڤاءيڽ، مک دي تله منجومڤاءي سݢالا-ݢالاڽ، نبي محمد ﷺ برتاڽ باݢايمان ايڠين منچاري الله، دان الله ڤون منجواب: 'شهادة'".

iii. "بارڠ سياڤا يڠ داتڠ برجومڤا دڠن اكو دالم ڤد مان دي مڠنل اكو، ستياڤ كباجيكن اكو بري دي سدنيا بيلڠن مخلوق يڠ ڤرنه اكو چيڤتا دان اكن اكو چيڤتا.

**(q) غلو (ملمڤاو) دالم مڠحرمتي ݢورو.** ڤراتورن يڠ واجب دڤاتوهي اوليه موريد كڤد اسماعيل بن قاسم سلاكو ݢورو اتاو شيخ سڤرتي بريكوت:-

i. سسياڤ يڠ هندق برسلامن دڠن ݢورو، واجب مڠمبيل وضوء ترلبيه دهولو كران ݢورو دأڠݢڤ ممباوا القراءن يڠ هيدوڤ؛

ii. ستياڤ موريد بركأداءن يقين بهاوا ݢورو داڤت مڠسن كطاعتن موريد، اتس ايذين الله سبحانه وتعالى؛

iii. ستياڤ موريد جاڠن مندرهاک كڤد ݢورو اتس امانه-امانهڽ؛

iv. ستياڤ موريد جاڠن ادا سڠكاءن بهاوا ݢورو تيدق مڠتاهوءي كلاكوان دان ڤربواتن مريک؛

v. ستياڤ موريد جاڠن مراݢوءي اتاو ممبنته دهادڤن ݢورو اتاو دبلاكڠڽ كران ݢورو هاڽ مڠاجر علمو كلمة "لا إله إلا الله"؛

vi. ستياڤ موريد جاڠن سكالي-كالي ملڠݢر ڤندوان دأتس، كلق اكن ترجروموس كدالم كچلاكاءن دان كبيناساءن.

2. سهوبوڠن دڠن ايت، مشوارت مموتوسكن ڤندڠن حكوم بهاوا علمو شهادة (علمو ڤيقسين)، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ يڠ دأجر اوليه اسماعيل بن قاسم دري ڤرتوبوهن رحمة للعالمين (ڤرحمة) دان سأومڤامڽ اداله مڽيليويڠ درڤد عقيدة اهل السنة والجماعة.

3. جوسترو، اورڠ اسلام هندقله منجاءوهي اجرن اين دان دلارڠ برڤݢڠ سرتا برعمل دڠنڽ. مان٢ اورڠ اسلام يڠ تله مڠملكن فهامن دان اجرن اين هندقله سݢرا برتوبة كڤد الله سبحانه وتعالى.

4. اف٢ جوا باهن ڤوبليسيتي دان سيبارن يڠ منونجولكن اجرن، ڤڠڬن اتاو فهامن علمو شهادة (علمو ڤيقسين)، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ اوليه اسماعيل بن قاسم دري ڤرتوبوهن رحمة للعالمين (ڤرحمة)، اتاو اف٢ اجرن، ڤڬڠن اتاو فهامن بهارو يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠن عنصور٢ اجرن، ، ڤڬڠن اتاو فهامن علمو شهادة (علمو ڤيقسين)، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ اوليه اسماعيل بن قاسم دري ڤرتوبوهن رحمة للعالمين (ڤرحمة) دالم اف جوا بنتوق ڤنربيتن دان چيتقن اتاو سيارن دالم مان٢ لامن سساوڠ، بلوڬ، فيسبوك، تويتر اتاو ميديا سوسيال لاءين اداله دحرامكن.

5. مان٢ اورڠ اسلام اداله جوڬ دلارڠ ممليكي، ميمڤن، منچيتق، منجوال اتاو مڠيدر فيلم، راقمن اءوديو، رسالة، بوكو-بوكو، مجالة اتاو اف٢ تربيتن، رسالة اتاو اف٢ دوكومن؛ منڠڬوناكن سبارڠ بنتوق لامبڠ، راجه اتاو تندا٢ يڠ بوليه مڠاءيتكن اجرن دان فهامن علمو شهادة (علمو ڤيقسين)، ذيكير نفس دان لاءين٢ يڠ بركايتن دڠن كدودوكنڽ اوليه اسماعيل بن قاسم دري ڤرتوبوهن رحمة للعالمين (ڤرحمة). دان سموا ڤيهق اداله دلارڠ دان دتڬه درڤد ممبري اف جوا كمودهن، سومباڠن دان بنتوان كڤد ڬولوڠن اين درڤد مڠعملكن، ميباركن دان مڠمبڠكن فهامن دان اجرن اين دنڬري ڤولاو ڤينڠ.

6. مان٢ اورڠ اسلام يڠ ملاكوكن ڤركارا٢ دأتس اداله ملاكوكن سواتو كسالهن دان بوليه دأمبيل تيندقن دباوه اوندڠ٢ يڠ برقوات كواس دنڬري ڤولاو ڤينڠ.

دبوات 14 ديسيمبر 2017
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (1); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.4]



داتوء دكتور وان سالم بن وان محمد نور
مفتي
كراجاءن نڬري ڤولاو ڤينڠ

AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG
DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH
DI PULAU PINANG

# AJARAN QADIANI / AHMADIAH

NEGERI PULAU PINANG

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil.62** **2hb Ogos 2018** **No.16**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

No. 1050.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**AJARAN QADIANI/AHMADIAH**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Qadiani/Ahmadiah dan memutuskan seperti yang berikut :

i. Ajaran Qadiani/Ahmadiah adalah sesat dan terkeluar daripada ajaran Islam.

ii. Pengikut Ajaran Qadiani/Ahmadiah adalah terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.

iii. Ajaran Qadiani/Ahmadiah adalah satu ajaran yang menyalahi daripada ajaran Islam yang sebenarnya dan pengikut-pengikut ajaran Qadiani/ Ahmadiah ini telah dihukumkan kafir oleh ulamak-ulamak Islam di serata dunia.

iv. Antara ciri-ciri ajaran ini ialah:

(a) Mirza Ghulan Ahmad mendakwa dirinya:

i, sebagai Nabi yang menerima wahyu;

ii, sebagai Imam Mahadi;

iii, sebagai Isa Al Masih;

iv, mempunyai mukjizat; dan

v, para Nabi menyaksikan dirinya.

(b) Malaikat sebagai pancaindera Tuhan;

(c) Nabi Isa A.S. telah mati seperti manusia biasa dan dikebumikan di Srinagar;

(d) Ibadah Haji di Qadian, India;

(e) menafikan Jihad; dan

(f) mengubah ayat-ayat Al-Quran.

v. Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:

(a) "*Invitation To Ahinadiyah*" yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II);

(b) "Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah" yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmadiah;

(c) "Alam Sebagai Saksi" yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hasan; dan

(d) "*The Holy Quran with English Translation And Commentary" (Vol II, Part I)* yang dikarang oleh M. Masu'd Ahmad.

vi. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran atau fahaman Qadiani/Ahmadiah dan lain-lain yang berkaitan dengannya atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan ciri-ciri fahaman Qadiani/ Ahmadiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.



vii. Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku¬buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiah dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

viii. Semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada pengikut ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiah daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran dan fahaman ini di Negeri Pulau Pinang.

ix. Oleh yang demikian:

(a) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiah ini adalah murtad;

(b) orang Islam yang telah mengamalkan ajaran Qadiani/Ahmadiah di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Ta'ala; dan

(c) mana-mana orang Islam yang melakukan apa-apa perbuatan dalam perenggan (v), (vi), (vii) dan (viii) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang¬undang yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang.

Bertarikh 4 Jun 2018
[JMNPP/(S)/19/1101/002(10); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
*Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment* 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

***AJARAN QADIANI/AHMADIAH***

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Qadiani/Ahmadiah dan memutuskan seperti yang berikut :*

i. *Ajaran Qadiani/Ahmadiah adalah sesat dan terkeluar daripada ajaran Islam.*

ii. *Pengikut Ajaran Qadiani/Ahmadiah adalah terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.*

iii. *Ajaran Qadiani/Ahmadiah adalah satu ajaran yang menyalahi daripada ajaran Islam yang sebenarnya dan pengikut-pengikut ajaran Qadiani/ Ahmadiah ini telah dihukumkan kafir oleh ulamak-ulamak Islam di serata dunia.*

iv. *Antara ciri-ciri ajaran ini ialah:*

*(a) Mirza Ghulan Ahmad mendakwa dirinya:*

*(i) sebagai Nabi yang menerima wahyu;*

*(ii) sebagai Imam Mahadi;*

*(iii) sebagai Isa Al Masih;*

*(iv) mempunyai mukjizat; dan*

*(v) para Nabi menyaksikan dirinya.*

*(b) Malaikat sebagai pancaindera Tuhan;*

*(c) Nabi Isa A.S. telah mati seperti manusia biasa dan dikebumikan di Srinagar;*



*(d) Ibadah Haji di Qadian, India;*

*(e) menafikan Jihad; dan*

*(f) mengubah ayat-ayat Al-Quran.*

v. *Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:*

*(a) "Invitation To Ahinadiyah" yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II);*

*(b) "Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah" yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmadiah;*

*(c) "Alam Sebagai Saksi" yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hasan; dan*

*(d) "The Holy Quran with English Translation And Commentary" (Vol II, Part I) yang dikarang oleh M. Masu'd Ahmad.*

vi. *Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran atau fahaman Qadiani/Ahmadiah dan lain-lain yang berkaitan dengannya atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan ciri-ciri fahaman Qadiani/ Ahmadiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.*

vii. *Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku¬buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiah dan lain-lain yang berkaitan dengannya.*

viii. *Semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada pengikut ajaran dan fahaman Qadiani/ Ahmadiah daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran dan fahaman ini di Negeri Pulau Pinang.*

ix. *Oleh yang demikian:*

*(a) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiah ini adalah murtad;*

*(b) orang Islam yang telah mengamalkan ajaran Qadiani/Ahmadiah di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Ta'ala; dan*

(c) *mana-mana orang Islam yang melakukan apa-apa perbuatan dalam perenggan (v), (vi), (vii) dan (viii) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang¬undang yang berkuasa di Negeri Pulau Pinang.*

*Made 4 Jun 2018*
*[JMNPP/(S)/19/1101/002(10); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 4]*

*DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR*
*Mufti State Goverment of Pulau Pinang*

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام

(نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) [*اينكمن 2*]، اتس ڤر كنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

جدوال

اجرن قادياني/احمدية

مشوارت جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2017/2 تله ممبينچڠكن مڠناءي اجرن قادياني/احمدية دان مموتوسكن سڤرتي بريكوت:

i. اجرن قادياني/احمدية اداله سست دان تركلوار درڤد اجرن اسلام.

ii. ڤڠيكوت اجرن قادياني/احمدية اداله تركلوار درڤد اسلام دان تيدق بوليه منعمتي حق-حق سباڬاي سأورڠ اسلام ترماسوق ڤڠبومين دالم تانه ڤرقبورن اسلام.

iii. اجرن قادياني/احمدية اداله ساتو اجرن يڠ ميالهي درڤد اجرن اسلام يڠ سبنرڽ دان ڤڠيكوت-ڤڠيكوت اجرن قادياني /احمدية اين تله دحكومكن كافير اوليه علماء- علماء اسلام سرات دنيا.



iv. انتارا چيري- چيري اجرن اين اياله:

*a.* مرزا غلام احمد مندعوا ديريڽ:

i. سباڬاي نبي يڠ منريما وحي؛

ii. سباڬاي امام مهدي؛

iii. سباڬاي عيسى المسيح؛

iv. ممڤوڽاءي معجزات؛ دان

v. ڤارا نبي مڽقسيكن ديريڽ.

*b.* ملائكة سباڬاي ڤنچاءيندرا توهن؛

*c.* نبي عيسى عليه السلام تله ماتي سڤرتي ماءنسي بياسا دان دكبوميكن دسريناڬر؛

*d.* عبادة حاج د قادياني انديا؛

*e.* منافيكن جهاد؛

*f.* مڠوبه اية- اية القراءن.

v. اورڠ- اورڠ اسلام اداله دلارڠ منجوال, مڠيدر, ممبلي, مميليقي, اتاو ممبري چرامه تنتڠ ايسي كندوڠن بوكو- بوكو برايكوت:

*a.* *"Invitation To Ahmadiyah"* يڠ دكارڠ اوليه حضرة حاج مرزا بشيرالدين احمد (خليفة المسيح 11)؛

*b.* "ڤناور راچون فتنة ترهادڤ احمدية" يڠ دتوليس اوليه ڤڠوروس بسر جمعات احمدية؛

*c.* "عالم سباڬاي سقسي" يڠ دكارڠ اوليه محمد زاين بن حسن؛ دان

*d.* *"The Holy Quran with English Translation And Commentary" (Vol II, Part I)* يڠ دكارڠ اوليه م. مسعود احمد

vi. اڤا-اڤا جوا باهن ڤوبليسيتي دان سيبارن يڠ منونجولكن اجرن اتاو فهمن قادياني/احمدية دان لأين- لأين يڠ بركاءيتن دڠنڽ اتاو اڤا-اڤا اجرن، ڤڬڠن اتاو فهمن بهارو يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠن عنصور- عنصور اجرن دان چيري- چيري فهمن قادياني/احمدية دالم اڤ جوا بنتوق ڤنربيتن دان چيتقن اتاو سيارن دالم مان- مان لامن سساوڠ، بلوݢ، فسبوق، تويتر، اتاو ميديا سوسيال لأين اداله دحرامكن.



AJARAN-AJARAN YANG MENYELEWENG DARIPADA AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI PULAU PINANG

vii. مان- مان اورڠ اسلام اداله جوڬ دلارڠ، مميليقي، ميميڠ، منچيتق، منجوال، اتاو مڠيدر فيلم، راقمن اءوديو، رساله، بوكو- بوكو، مجله اتاو اڤا-اڤا تربيتن، رساله اتاو اڤا-اڤا دوكومن، مڠڬوناكن سبارڠ بنتوق لامبڠ، راجه اتاو تندا- تندا يڠ بوليه مڠاءيتكن اجرن دان فهمن قادياني/احمدية دان لأين- لأين يڠ بركاءيتن دڠنڽ.

viii. سموا ڤيهق اداله دلارڠ دان دتڠه درڤد ممبري اڤ جوا كمودهن، سومبڠن دان بنتوان كڤد ڤڠيكوت اجرن دان فهمن قادياني/احمدية درڤد مڠعملكن، ميبياركن دان مڠمبڠكن اجرن دان فهمن اين دنڬري ڤولاو ڤينڠ.

ix. اوليه يڠ دمكين:

a) مان- مان اورڠ اتاو كومڤولن اورڠ يڠ برڤڬڠ ڤد اجرن دان فهمن قادياني/احمدية اين اداله مرتد؛

b) اورڠ اسلام يڠ تله مڠعملكن اجرن قادياني/احمدية دمان- مان جوا براد هندقله سڬرا برتوبة سرتا منوهون كأمڤونن كڤد الله تعالى؛ دان

c) مان- مان اورڠ اسلام يڠ ملاكوكن اڤا-اڤا ڤربواتن دالم ڤرڠكن ( v )، ( vi )، ( vii) دان ( viii) اداله ملاكوكن سواتو كسالهن دان بوليه دأمبيل تيندقن دباوه اوندڠ- اوندڠ يڠ بركوات كواس دنڬري ڤولاو ڤينڠ.

دبوات 4 جون 2018
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (10); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.4]

داتوء دكتور وان سالم بن وان محمد نور
مفتي
كراجان نڬري ڤولاو ڤينڠ